AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

# ڤليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 24 | RABU 17 JUN, 1987. | 1407 رابو 19 شوال | PERCUMA

## LAWATAN RASMI MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Encik Daim bin Zainuddin di Istana Nurul Iman pada Selasa minggu lalu.

Berangkat di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Hadir termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain, dan juga Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu.

Terdahulu dari itu ketibaan Menteri Kewangan Malaysia itu telah dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Yang Berhormat Encik Daim bin Zainuddin bersama isteri dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Kewangan Malaysia, tiba ke negara ini bagi lawatan dua hari dan berlepas pulang pada 8 Jun lalu. — Gambar oleh Harun Rashid.



## Menyediakan golongan belia yang berdisiplin:

# Penubuhan Majlis Perunding Belia Negara perlu

PEKAN TUTONG. — Yang Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB) Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani mencadangkan pihak berwajib di negara ini supaya menubuhkan Majlis Perunding Belia Negara yang antara lain bertujuan untuk dapat menyediakan golongan belia yang berdisiplin penuh kreativiti dan tahan lasak.

Menurutnya ini yang akan menjadi aset dan ejen-ejen pembangunan dan perkembangan negara serta para belia yang berwibawa yang akan menjadi pemimpin kita di hari muka.

Oleh Abd. Karim HAB

Menerusi penubuhan majlis itu juga menurut Pengiran Badaruddin segala kegiatan kerja, aktiviti dan projek yang difikirkan sesuai dan berfaedah untuk para belia akan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih teratur dan terarah mengikut semangat yang akan termaktub dalam piagam 'DASAR BELIA NEGARA' yang akan disusun dan digubal oleh Majlis Perunding Belia Negara.

"Saya yakin pihak berwajib di negara ini khususnya yang terlibat secara langsung dengan pergerakan belia akan segera mengungkayahkan perkara berfaedah dan diyakini penting ini supaya kita semua dapat menyediakan golongan belia yang benar-benar berdisiplin, penuh kreativiti dan tahan lasak yang akan menjadi aset dan ejen-ejen pembangunan dan perkembangan negara dan para belia yang berwibawa yang akan menjadi pemimpin di hari muka," ujarnya lagi ketika

Lihat muka 20

### MANISNYA IMAN

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Apabila tiba permulaan malam atau waktu senja, tahanlah anak-anakmu (keluar rumah) kerana syaitan berkeliaran di waktu itu. Setelah lewat sesaat biarkan mereka." — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Jabir radhiallahu anhu.

### PETIKAN TITAH

"Di dalam menyelenggarakan apa jua bentuk rancangan kemajuan dan pembangunan negara, adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk mempastikan penglibatan pihak swasta di negara ini untuk bekerjasama dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dengan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka."

*Dititahkan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari, 1987.*

### UCAPAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II.

Baginda juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Puan Yang Terutama Puan Corazon C. Aquino, Presiden Republik Filipina bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Filipina masing-masing pada 12 Jun 1987.

**Berdisiplin Di Jalan Raya**
**Elakkan Diri Dari Bahaya**

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

17 JUN, 1987

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENGHARGAI KEPENTINGAN SUMBER HUTAN

MENGHARGAI kepentingan sumber hutan adalah suatu sikap yang harus disemai serta diamalkan oleh setiap orang Peningkatan kefahaman mengenainya telah dan sedang diusahakan oleh Kerajaan melalui kursus-kursus, latihan-latihan dan seminar-seminar yang ada hubung kaitnya dengan penggunaan kayu-kayan.

Kesedaran ke arah ini penting selaras dengan kehendak Rancangan Kemajuan Negara ke-5 yang memberi keutamaan dalam pembangunan infrastruktur dan perindustrian termasuk sumber kayu-kayan bagi mencapai salah satu objektif Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara agar ia tidak bergantung kepada sumber minyak dan gas semata-mata.

Sumber hutan di negara kita masih mencukupi untuk diusahakan bagi memenuhi keperluan negara yang sedang rancak membangun pada peringkat ini. Dalam hal ini, mutu kayu-kayan yang sedia ada perlu ditingkatkan di samping mengenal pasti penggunaannya yang berkesan agar sumber tersebut mampu mencapai matlamatnya.

Peningkatan mutu kayu-kayan ini boleh didapati melalui proses pengeringan dan pengawetan yang tertentu dari segi ketahanannya yang dapat menjamin bagi jangka panjang. Bila mutu itu terjamin dan bernilai sudah setentunya membuka ruang-ruang baru dengan wujudnya industri-industri ringan seperti pembuat perabot, dinding dan lain-lain untuk berkemungkinan lebih banyak menggunakan kayu-kayan dalam penghasilan-penghasilan mereka. Secara tidak langsung pembangunan kita berjalan serentak bukan sahaja dari segi fizikal malah penambahan-penambahan kerja dari pihak industri ringan itu.

Di samping itu, pemeliharaan sumber-sumber kehutanan secara sempurna dan teratur serta terkawal harus juga diperhitungkan agar penggunaannya di masa akan datang dapat dikekal, dipertahankan dan dinikmati oleh cucu-cicit kita.

Untuk itu, belum lagi lewat untuk kita tambah menggiatkan penanaman pokok-pokok semasa yang mendatangkan manfaat jangka panjang. Penanaman ini bukan sahaja dilakukan di hutan-hutan simpanan Kerajaan, atau di hutan-hutan yang telah pupus oleh kegiatan pembalakan bahkan penanaman itu perlu dilaratkan ke hutan-hutan kita yang musnah akibat kebakaran atau penebangan sambil lewa.

Kecuaian dalam melengah-lengahkan hal ini akan merugikan dan mungkin membebankan kita dengan masalah-masalah yang lebih besar dan rumit di kemudian hari.

Kehutanan bukan sekadar memberikan penghasilkan kayu-kayan. Sumber-sumber hutan tidak terhad bagi keperluan pembinaan-pembinaan atau keperluan asas manusia yang lain. Dalam suasana kehidupan harian kita, persekitaran kehutanan kita yang selesa sangat penting.

Keindahan semula jadi yang ada di hutan-hutan dapat dimanfaatkan jika kita tahu menghargainya. Di samping itu, kehutanan boleh juga dijadikan tempat-tempat riadah dan rekreasi seperti yang terdapat di Sungai Liang sambil kita menghayati pelbagai nama-nama pokok yang begitu unik.

Kehutanan juga mempengaruhi pengawalan hakisan tanah, tumbuh-tumbuhan yang secara langsung berfungsi dalam pembekalan air yang bersih dan mencukupi dari sungai-sungai. Tambahan kepada itu, kehutanan juga memberi perlindungan kepada hidup-hidupan liar.

Kita berkeyakinan orang ramai terutama pembalak-pembalak kayu dan pengusaha-pengusaha kilang papan akan sentiasa memberikan kerjasama dalam usaha Kerajaan bagi menanamkan kepekaan dan kewaspadaan terhadap penghargaan kita pada sumber hutan dengan tidak menjejaskan identiti kehutanan itu untuk jangka panjang.

### Berpunca dari ketiadaan suatu Dasar Belia Negara

# MBB HANYA DAPAT BERGERAK SECARA TERHAD

**TEKS UCAPAN PENUH PENGIRAN BADARUDDIN BIN PENGIRAN GHANI, YANG DIPERTUA MAJLIS BELIA BRUNEI DI MAJLIS PERMUZAKARAHAN AGUNG MAJLIS BELIA DAERAH TUTONG, AHAD 14 JUN, 1987 DI DEWAN KEMASYARAKATAN TUTONG.**



MENGAMBIL sukut baik bulan Syawal yang mulia ini, izinkanlah saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir batin kepada saudara-saudara semua, semoga kita semua akan terus berazam untuk meningkatkan lagi ketakwaan kita sebagai hamba-hamba Allah yang diredai-Nya.

Saudara-saudara yang saya hormati,

Semenjak Majlis Belia Brunei ditubuhkan lebih 25 tahun yang lalu, pergerakan belia di negara kita ini berjalan mengikut arah yang dilandaskan kepada Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei yang menggariskan di dalamnya berbagai matlamat dan tujuan. Selama 25 tahun Majlis Belia Brunei hanya dapat menggerakkan jentera pentadbirannya secara amat terhad, aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anggota kerabatnya juga sangat terbatas dan projek-projek kegiatannya dalam berbagai bidang belum dapat mencapai sasaran dan memenuhi hasrat sebilangan besar para belia di negara ini sesuai dengan keperluan negara kita yang sedang membangun.

Keterbatasan bidang lingkup aktiviti, projek dan kegiatan kerja Majlis Belia Brunei ini pada hemat saya adalah berpunca dari ketiadaan suatu Dasar Belia Negara yang boleh dijadikan garis panduan bagi setiap persatuan belia dan kebajikan di negara ini. Kalau kita hanya bersandarkan semata-mata kepada Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei yang ada kepada kita ketika ini, saya yakin kita tidak akan sampai ke mana-mana kerana Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei yang telah digubal 25 tahun yang lalu tidak lagi dapat memenuhi keperluan kita sebagai golongan belia yang membentuk sebahagian besar dari jumlah penduduk yang aktif di negara ini lebih-lebih lagi Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei itu tidak memberikan peruntukan-peruntukan tertentu yang melibatkan pergerakan belia dalam sebuah negara yang berada dalam era kemerdekaan dan kedaulatan penuhnya.

Matlamat dan tujuan yang termaktub dalam Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei yang ada ketika ini perlu segera dipinda dan diubahsuaikan supaya ianya lebih mantap dan meyakinkan. Sesuai dengan hasrat ini dan selari dengan keperluan golongan belia maka sukacita saya mencadangkan kepada pihak berwajib di negara ini supaya segera menubuhkan Majlis Perunding Belia Negara yang keanggotaannya terdiri dari Majlis Belia Brunei dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta swasta yang berpengalaman luas lagi berwibawa untuk antara lain menyusun dan menggubal DASAR BELIA NEGARA.

Dengan penubuhan MAJLIS PERUNDING BELIA NEGARA ini nanti, segala kegiatan kerja, aktiviti dan projek yang difikirkan sesuai dan berfaedah untuk para belia akan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih teratur dan terarah iaitu mengikut semangat yang akan termaktub dalam piagam DASAR BELIA NEGARA yang akan disusun dan digubal oleh Majlis Perunding Belia Negara. Saya yakin pihak berwajib di negara ini khususnya yang terlibat secara langsung dengan pergerakan belia akan segera mengungkayahkan perkara berfaedah dan diyakini penting ini supaya kita semua dapat mengeluarkan golongan belia yang benar-benar berdisiplin, penuh kreativiti, golongan belia yang takkan lusuh yang akan menjadi asset dan ejen-ejen pembangunan dan perkembangan negara serta para belia yang berwibawa yang akan menjadi pemimpin kita di hari muka. Majlis Belia Brunei beserta seluruh kaum kerabatnya amat bersedia menghulurkan tangan terbuka bagi membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam penubuhan MAJLIS PERUNDING BELIA NEGARA [illegible] seterusnya akan [illegible] berusaha dengan [illegible] untuk bersama [illegible] menyusun dan [illegible] DASAR BELIA NEGARA.

Saudara-saudara yang [illegible] muliakan,

Dalam ucapan [illegible] tahun lalu di daerah [illegible] saya singgung beberapa perkara yang melibatkan Majlis Belia Daerah Tutong [illegible] taranya untuk [illegible] ngadakan [illegible] dengan ahli kerabat [illegible] bergabung dengan [illegible] Belia Daerah Tutong [illegible] dulillah dengan [illegible] naan penuh [illegible] saudara-saudara [illegible] ini, hasrat [illegible] telah dapat [illegible] dengan teratur dan [illegible] dan saya telah [illegible] bahawa beberapa [illegible] saya yang lain [illegible] diusahakan untuk [illegible] laksanakan [illegible] kesesuaian dan [illegible] Saya amat percaya [illegible] pucuk pimpinan yang [illegible] sekarang, Majlis Belia [illegible] Tutong akan dapat [illegible] dengan lebih rapi [illegible] bagai strategi bagi [illegible] jayakan aktiviti dan [illegible] belia adalah amat [illegible] kepada saudara-saudara [illegible] semua untuk terus [illegible] kuat pucak pimpinan [illegible] saudara-saudara yang [illegible] sekarang supaya Majlis Belia Daerah Tutong dapat [illegible] fungsi dengan sempurna.

Dengan [illegible] kalimah Bismillahi Rahmanir Rahim serta [illegible] hadrat Allah Subhanahu Wataala, saya [illegible] merasmikan Majlis [illegible] muzakarahan Agung [illegible] wakilan Majlis Belia Daerah Tutong Tahun 1987 ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah [illegible] Assalamualaikum [illegible] rahmatullahi Wabarakatuh.



YANG Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB) Pengiran Badaruddin bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia Daerah Tutong dan para jemputan khas. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## Kursus Penilaian Prestasi Kerja

BANDAR SERI BEGAWAN — Kursus Penilaian Prestasi Kerja Kakitangan [illegible] pegawai-pegawai [illegible] Bahagian Dua telah [illegible] di Unit Latihan. Pejabat [illegible] jawatan di sini [illegible]

Seramai 24 orang [illegible] menghadiri kursus [illegible] pat hari itu yang [illegible] untuk memberikan [illegible] tahuan dan [illegible] kepada para [illegible] mengenai dengan [illegible] prestasi kerja kakitangan.

Di samping itu [illegible] boleh melaksanakan [illegible] prestasi kerja [illegible] dengan menggunakan [illegible] penilaian prestasi [illegible] disediakan [illegible] kehendak-kehendak [illegible] penilaian prestasi [illegible] kakitangan.

# Penggunaan racun kimia dapat membantu meninggi mutu dan hasil ladang:

# Tetapi berhati-hati dan patuhi aturan penggunaan

Rencana dan gambar sumbangan Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan

### Sisa-sisa racun yang berlebihan dalam sayur-sayuran

Baru-baru ini terdapat sisa-sisa kimia yang berlebihan dalam sebahagian sayur-sayuran yang dijual di pasaran negeri ini yang dianggap sebagai peracunan dalam tanaman. Kenyataan ini telah dibuat oleh Pengarah Pertanian, Dato Paduka Awang Danial bin Haji Hanafiah, berikutan dengan hasil kajian ke atas sisa-sisa racun yang terdapat pada hasil-hasil ladang khususnya sayur-sayuran. Beberapa contoh sayur-sayuran telah dihantar ke Singapura untuk mengesan sisa racun yang terdapat pada tanaman tersebut. Hasil kajian menunjukkan sebahagian dari contoh yang dihantar itu mengandungi sisa racun yang berlebihan. Berikutan dengan itu, Jabatan Pertanian menasihatkan agar para peladang akan lebih berhati-hati dan mematuhi nasihat-nasihat penggunaan racun bagi mengelakkan perkara tersebut berlarutan mencemar hasil-hasil ladang mereka.

### Sebab Sisa Racun Berlebihan Pada Tanaman

Dalam usaha bertanam sayur-sayuran, serangan musuh dan penyakit adalah faktor yang selalu menjejaskan hasil dan keuntungan maksima yang sepatutnya boleh diperolehi dari kebun peladang. Pengawalan musuh dan penyakit dengan menggunakan racun kimia merupakan salah satu kaedah teknologi bertanam yang mudah dipraktikkan dan banyak membantu peladang dalam meninggikan mutu dan hasil ladang mereka. Pada dasarnya, kimia tersebut adalah selamat untuk digunakan dan tidak akan meninggalkan sisa yang merbahaya jika ianya digunakan mengikut peraturan dan nasihat Jabatan Pertanian atau dari pembuat kimia tersebut.

Sisa kimia berlebihan akan berlaku bila :

— racun musuh dan penyakit tanaman itu digunakan dalam kadar renjisan yang tinggi ;

— merenjis tanaman terlalu kerap atau mengulangi renjisan dalam tempoh waktu yang singkat ;

— merenjis tanaman sebagai amalan berkebun walaupun musuh dan penyakit tidak menyerang ; dan

— memetik hasil sebelum tempoh selamat bagi racun-racun berkenaan tiada lagi pada tanaman berkenaan.

Setiap racun yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian atau yang terdapat di pasaran, mempunyai kadar atau sukatan renjisan yang diaturkan bagi tanaman, kawasan dan keadaan tertentu. Banyak racun yang digunakan dalam satu renjisan, bila dan bagaimana merenjis serta tempoh selamat bagi pemungutan hasil itu adalah antara aspek-aspek yang perlu diambil ingatan sebagai peraturan penggunaan racun yang telah dikaji dan diyakini tidak akan meninggalkan sisa racun yang berlebihan pada tananam. Jika salah satu peraturan ini tidak diikuti, maka racun yang direnjis itu akan masih terdapat pada tanaman berkenaan.

Konsep perlindungan tanaman yang tidak mencemarkan peracunan ialah merenjis dengan racun musuh atau penyakit tanaman bila tanda-tanda awal serangan berlaku. Amalan merenjis kebun dengan racun kimia bagi mencegah berlakunya serangan musuh dan penyakit tanaman atau merenjis kebun tiap-tiap minggu sebagai amalan bercucuk tanam adalah tidak disarankan oleh Jabatan Pertanian dan pembuat-pembuat racun pertanian. Amalan ini bukan saja merugikan bahkan juga akan pasti mengakibatkan hasil ladang yang mengandungi sisa racun yang berlebihan tidak laris dijual dan merugikan peniaga dan pekebun itu sendiri. Dalam hal ini peniaga atau orang tengah hendaklah sentiasa berwaspada terhadap sumber jualan mereka supaya tidak memborong hasil-hasil dari pekebun yang menggunakan racun kimia sewenang-wenangnya atau tidak mengikut peraturan.



MAKMAL bagi Unit Pengawalan Racun dan Perlindungan Tanaman, Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan. Unit ini membuat penganalisaan bagi racun-racun pertanian tersebut sahaja.

Adalah difahamkan bahawa terdapat dua jenis racun pertanian yang sering digunakan bagi merawat sayur-sayuran: —

**— Pertama jenis racun sentuh:**

Racun jenis ini hanya akan melekat pada permukaan sayur-sayuran yang terkena renjisan sahaja. Sisa-sisa racun akan mudah dicuci dengan air.

**— Kedua, jenis racun serap:**

Racun jenis ini apabila direnjiskan akan menyerap keseluruhannya ke dalam sayur-sayuran. Sisa-sisa racun akan masih terdapat jika sayur yang telah direnjis tadi dimakan dalam masa yang singkat.

Jangka masa sisa-sisa racun ini berada di dalam sayur-sayuran adalah mengikut jenis-jenis racun yang telah digunakan. Pada umumnya kita seharusnya tidak memetik atau memakan sayur-sayuran yang telah direnjis sekurang-kurangnya antara dua hingga tiga minggu selepas itu.

### Apa yang perlu dilakukan oleh orang ramai

Pencemaran sisa racun pada tanaman khususnya sayur-sayuran yang terdapat di negara ini tidaklah begitu mencemaskan. Pencemaran-pencemaran yang didapati itu hanya terdapat pada sebahagian contoh-contoh sayuran yang dikaji yang mana menunjukkan ada sekelompok pekebun sayur di negara ini yang tidak mematuhi peraturan penggunaan bahan kimia dan nasihat-nasihat pengawalan musuh dan penyakit tanaman. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada ketika membeli sayur-sayuran terutamanya jenis sayur daun ini terutamanya dengan cara memastikan sayur-sayuran tersebut telah dicuci dengan sebersih-bersihnya untuk mengurangkan sisa-sisa racun kimia.

### Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dalam menjamin keselamatan hasil ladang dari cemaran sisa racun kimia :

Jenis-jenis racun pertanian yang dibenarkan di pasaran dalam negara ini adalah jenis-jenis racun yang difikirkan selamat untuk direnjis pada tanaman dalam keadaan tertentu. Jabatan Pertanian juga telah memberikan racun-racun musuh dan penyakit tanaman sebagai bantuan kepada peladang-peladang bumiputera di negara ini.

Pembahagian racun tersebut adalah disertakan dengan nasihat terutama mengenai kadar dan penggunaannya. Walau bagaimanapun, penggunaan racun adalah terletak pada kebijaksanaan pengguna khasnya peladang. Di samping mereka menjaga kepentingan ekonomi ladang, mereka juga mempunyai tanggungjawab bagi menjaga keselamatan simpanan racun yang digunakan terutama pada menjamin kesihatan orang ramai dan juga keluarganya.

Untuk maksud keselamatan dan penjagaan sedemikian itu Jabatan Pertanian telah pun meningkatkan peranannya dalam pengawalan penggunaan racun-racun pertanian. Jabatan berkenaan akan terus mengambil contoh-contoh sayur di seluruh negara ini untuk mengesan dan memastikan tidak terdapatnya sisa-sisa racun yang berlebihan pada tanam-tanaman yang dijual. Pada masa ini Jabatan Pertanian mempunyai sebuah makmal yang berupaya mengkaji jenis-jenis racun tertentu sahaja.

Kajian bagi jenis-jenis racun yang lain adalah dilakukan oleh makmal-makmal di Singapura.

Dalam pada itu Jabatan Pertanian akan mengemaskinikan keupayaan makmal yang ada sekarang dengan memperbaiki kemudahan penganalisaan kimia dan dengan itu akan membolehkan kakitangan yang ada berkeupayaan melakukan penyelidikan ke atas kesemua jenis racun pertanian akan dikaji dalam negara ini.

Sayugia juga menjadi ingatan kepada peladang-peladang dan pekebun sayur untuk memastikan tidak terdapat sisa-sisa racun pada hasil sayur-sayuran mereka. Jabatan Pertanian akan mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka. Seandainya masih terdapat kecuaian ke atas penggunaan racun dalam perladangan mereka, nama dan tempat pekebun berkenaan akan diumumkan kepada orang ramai sebagai nasihat tidak supaya orang ramai tidak membeli hasil ladang pekebun berkenaan, ini adalah antara langkah yang difikirkan perlu untuk tindakan-tindakan berkenaan.

Sehubungan dengan itu apa yang penting dalam masalah ini peladang perlulah juga mengambil langkah-langkah selamat supaya sentiasa mematuhi peraturan penggunaan racun pertanian. Sekiranya mereka menghadapi masalah serangan musuh dan penyakit tanaman, mereka sewajarnya mendapatkan khidmat nasihat perladangan dengan menghubungi pegawai-pegawai pengembangan pertanian di daerah masing-masing.



MENGAMBIL contoh sayur bagi penganalisaan sisa-sisa racun pertanian dilakukan secara rawak ke atas hasil ladang yang dijual di pasar-pasar dan tamu-tamu di negara ini.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-385

# RIBA DAN INTERES

## Faedah yang diambil dari menghutang dan menyimpan wang di bank: (Siri Ketiga)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

BERKATA Kadi Al-Basrah Ash-Sheikh 'Alauddin Khuruf dalam kitabnya Ar-Riba Wal-Faaidah: Pembaca-pembaca telah membaca tulisan saya dalam kitab ini dan mereka meminta saya tarjihkan. Saya berkata: "Saya menghadap Allah Taala dengan berkata bahawa faedah (interes) itu ialah hakikatnya riba yang diharamkan Allah, sekalipun setengah-setengah orang bersungguh-sungguh hendak mengelokkan hakikat (faedah) itu dan membentuk dia dengan rupa yang cantik dan berbuat berbagai-bagai cara pada menutup keburukan faedah itu. Padahal ada bunga atau faedah atau interes itu dalam pergaulan hidup manusia, adalah ia menjadi duri apatah lagi dalam pergaulan hidup umat Islam. Ia adalah mungkar. Allah Taala yang menjadikan langit dan bumi mengetahui apa yang bermanfaat dan apa yang menjadi maslahat kepada manusia. Ia kasihkan kepada mereka. Dia tiada berkehendak menegah kemajuan mereka dan tiada menghalang pembangunan mereka. Dari itu Allah mengharamkan faedah dari hutang dan faedah yang diberi oleh bank dan seumpamanya dari wang simpanan. Dan saya bersama-sama Jumhur Ulama Islam dan bersama ulama yang menegah faedah bank itu dan mereka berkata adalah ia riba yang diharamkan dalam ugama Islam."

Katanya: Saya suka menambah bahawa firman Allah dalam ayat 282 Surah Al-Baqarah menyuruh menulis surat hutang ketika berhutang dan menyuruh mengadakan saksi ketika berhutang sebagai menunjukkan bahawa tiada ada sesuatu yang lain daripada riba dan hutang sekalipun yang lain itu faedah yang sedikit. Islam dalam ajarannya tiada didapati menyuruh memberi hutang kepada orang yang berhajat berhutang dengan mengambil sesuatu kadar harta lebih dari kadar hutang itu kerana harta dalam Islam adalah milik Allah dan orang-orang yang kaya tuan harta itu adalah wakil Allah pada menjalankan harta itu menurut landasan ajaran Allah. Allah menyuruh mereka menghutangkan dengan tiada berbunga dan tiada ada faedah dan Allah menyuruh menangguhkan hutang daripada orang yang berhutang yang Mu'sir (susah) pada membayarnya dan Dia menyuruh orang yang berhutang itu membayar semula hutangnya kepada tuan hutang. Tetapi apakala jiwa manusia telah rosak dan diselubungi oleh tamak haluba maka orang-orang kaya menegah orang fakir dari berhutang dengan tiada membayar bunga dan manusia berlumba-lumba berhutang dengan tiada apa sebab mustahak berhutang atau mesti berhutang. Maka banyaklah riba berlaku ke atas umat Islam padahal keadaan umat Islam yang dahulu bukan semacam sekarang. Dalam perkara ini Sahabat Ibnu Umar berkata yang bermaksud: "Datang suatu masa pada zaman kita, tiadalah seseorang daripada kita nampak wang ringgit, yang dia lebih berhak daripada saudaranya yang Islam." Katanya lagi: "Saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya: Apabila orang-orang telah bakhil dengan wang ringgit, dan mereka berjualan dengan jualan 'Ainah (berjual dengan harga yang mahal dengan hutang dan kemudian dibeli semula barang itu dengan harga yang murah), dan mereka meninggalkan jihad fi sabilillah, dan mereka mengikut ekor lembu (berkebun), maka nescaya Allah masukkan ke dalam jiwa mereka kehinaan, tiadalah Allah tarik kehinaan daripada mereka sehingga mereka bertaubat dan kembali pada menjalankan ugama mereka.

Sahabat Ibnu Abbas yang puak yang pertama berhujah dengan perkataannya berkata: Riba yang haram itu ialah Riba An-Nasiiah. Ibnu Abbas itu berkata pula: Apabila saya menghutangkan seseorang, maka saya takut hendak duduk di bawah bayangan tembuk rumahnya, supaya jangan perbuatan saya itu masuk dalam riba.

Banyak hadis mauquf menyebutkan perkara riba hutang seperti perkataan Ibnu Abbas in sebagaimana dalam Masaalikud Dalaalah Syarhu Matanur Risaalah Lil'alaamati Ahmad Al-Ghumaari.

Katanya: Saya akan mengulas hujah pihak yang pertama: Adapun perkataan Ash-Sheikh Abduh (yang hidup tahun 1266-1323 Hijrah), maka Ash-Sheikh Abu Zahrah telah menolak akan dia bahawa perkataan Ash-Sheikh Abduh itu tiada dapat difahamkan bahawa faedah itu semuanya halal. Orang-orang yang berfahaman demikian itu menanggungkan perkataannya itu lebih dari apa yang ia boleh tanggung, dan Ash-Sheikh Abduh itu berkata Al-Alif dan Al-Lam pada Ar-Riba itu Lil'ahdi yakni Ar-Riba yang diharamkan iaitu Riba yang diketahui berlaku pada zaman jahilillah dan ulama tafsir yang lain ada yang berkata begitu.

Ash-Sheikh Zahrah menerangkan lagi bahawa perkataan-perkataan atau ceramah Ash-Sheikh itu dalam waktu mengajar bertaburan sana ke mari tiada boleh diiktibarkan sebagai suatu fikiran atau bahas yang telah dihalusi dan ditelitii hanya sebagai perkara yang terlintas dalam fikiran yang diberi oleh guru kepada murid-muridnya supaya mengajak mereka berfikir dan menyelidik.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

# MAJLIS PENUTUP KURSUS HAJI



SEBAHAGIAN daripada jemputan khas yang hadir di majlis Penutup Doa Selamat bagi bakal-bakal haji di Daerah Tutong tahun ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

TUTONG. — Majlis Doa Selamat penutup kursus haji bagi bakal-bakal haji musim haji tahun ini bagi Daerah Tutong telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan di sini pada 7 Jun lepas.

Kira-kira 325 orang bakal-bakal haji dari daerah itu dijangka akan menunaikan fardu haji pada tahun ini.

Majlis itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Dayang Jamilah binti Haji Abd. Manaf.

Bakal-bakal haji di daerah tersebut sebagaimana juga di daerah-daerah lain telah menjalani kursus yang telah dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di majlis itu bakal-bakal haji juga telah mendengar ceramah ibadat haji yang disampaikan oleh Pengarah Dakwah dan Tabligh, Ustaz Haji Besar bin Abu Bakar yang mana diikuti kemudiannya dengan sesi soal jawab.

Bakal-bakal haji tahun ini akan menggunakan pesawat Syarikat Penerbangan Arab Saudi.

Majlis tersebut telah diakhiri dengan bacaan doa selamat yang disampaikan oleh Ustaz Haji Abu Bakar bin Hanifi.

Hadir sama di majlis itu ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Aziz, pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan bakal-bakal haji.

## Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 17 Jun hingga ke hari Selasa 23 Jun, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Jun | | | | | | | | | | | | |
| 17 | 12.23 | 3.47 | 3.48 | 6.33 | 6.34 | 7.49 | 7.50 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.08 | 6.09 |
| 18 | 12.23 | 3.48 | 3.49 | 6.33 | 6.34 | 7.49 | 7.50 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.08 | 6.09 |
| 19 | 12.24 | 3.48 | 3.49 | 6.33 | 6.34 | 7.49 | 7.50 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.08 | 6.09 |
| 20 | 12.24 | 3.48 | 3.49 | 6.33 | 6.34 | 7.49 | 7.50 | 4.53 | 4.38 | 4.53 | 6.08 | 6.09 |
| 21 | 12.24 | 3.48 | 3.49 | 6.34 | 6.35 | 7.50 | 7.51 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |
| 22 | 12.24 | 3.49 | 3.50 | 6.34 | 6.35 | 7.50 | 7.51 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |
| 23 | 12.25 | 3.49 | 3.50 | 6.34 | 6.35 | 7.50 | 7.51 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Pertandingan Hadrah sempena Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 bagi Daerah Brunei dan Muara, sedang menganjurkan Pertandingan Juara Kugiran, Lawak Jenaka dan Hadrah sempena perayaan tahun ini.

Pertandingan Juara Kugiran dan Lawak Jenaka terbuka kepada belia yang terdiri dari rakyat Brunei di seluruh negara dan pertandingan hadrah terbuka kepada belia di Daerah Brunei dan Muara sahaja.

Keterangan lanjut dan borang penyertaan mengenai Pertandingan Juara Kugiran boleh diperolehi dari Haji Johari P.P. Haji Omar, Radio Televisyen Brunei.

Bagi Pertandingan Lawak Jenaka pula borang boleh didapati dari Awang Haji Sulaiman Haji Abd. Wahab Pejabat Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Manakala borang pertandingan hadrah dapat di perolehi dari Haji Mohammad Sukaimi di Dewan Bahasa dan Pustaka. Semua pertandingan dibuka penyertaannya sehingga 5 Julai 1987.




# KITA DIGALAKKAN BERPUASA DI BULAN-BULAN YANG LAIN

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Taala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Selain dari puasa yang diwajibkan dalam bulan Ramadan, kita juga digalakkan berpuasa di bulan-bulan Islam yang lain setelah habis dibayar puasa yang ditinggalkan dalam bulan Ramadan tersebut, dan dalam bulan-bulan Ramadan di tahun-tahun sebelumnya, kerana puasa yang ditinggalkan itu menjadi hutang. Maka setiap yang berhutang wajib membayarnya, ini adalah hak Allah ke atas hamba-Nya.

Allah Subhanahu Wataala adalah pencipta yang menjadikan manusia dari tiada kepada ada. Allah Subhanahu Wataala adalah pengurnia nikmat dan rezeki ke atas hamba-Nya. Maka tidaklah layak seseorang manusia itu melupakan-Nya. Allah Subhanahu Wataala tidak akan menjadi kaya jika seseorang itu melakukan ibadat kepada-Nya kerana Allah memang maha kaya dari segala-galanya walaupun begitu Allah akan bertambah kasih lagi kepada hamba-Nya yang sentiasa menyempurnakan ibadat. Sebaliknya pula, Allah tidak akan jatuh miskin jika seseorang itu tidak melakukan ibadat kerana Allah Subhahau Wataala tertolak daripada sifat-sifat itu. Jadi apakah makna ibadat? Apakah fungsi ibadat? Apakah tujuan ibadat? Sebenarnya ibadat adalah menjadi satu ukuran ketakwaan dan ketaatan hamba-Nya ke atas penciptanya.

Walaupun ibadat puasa telah selesai dengan habisnya bulan Ramadan, tidaklah bererti tidak ada puasa selain dari puasa yang wajib digalakkan dalam Islam. Ada lagi puasa yang digalakkan dalam Islam untuk dikerjakan seperti puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal yang biasa juga disebut puasa enam. Rasulullah telah bersabda mengenai puasa ini yang ertinya: *'Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal seolah-olah ia berpuasa selama-lamanya.'*

Begitu juga dengan puasa-puasa sunat lainnya seperti puasa 9 Zulhijjah iaitu puasa di hari Ukuf di Arafah bagi mereka yang tidak mengerjakan Haji. Puasa 1 Muharam iaitu puasa Asyura. Puasa di setiap pertengahan bulan Hijrah iaitu puasa yang disunnatkan selama tiga hari berturut-turut pada 13,14 dan 15 yang dikenal juga puasa Abiad. Puasa di setiap penghujung bulan Hijrah berturut-turut selama tiga hari pada 28, 29 dan 30. Puasa pada setiap hari Isnin dan Khamis. Puasa Nasaf Sya'aban dan puasa Nabi Daud Alaihissalam, iaitu puasa sehari dan berbuka sehari. Puasa yang diharamkan pula ialah puasa hari pertama bulan Syawal (Aidilfitri) dan Hari Raya Aidiladha. Puasa hari Syak iaitu puasa di akhir bulan Ramadan yang belum diketahui sama ada awal Syawal atau tidak, kecuali mereka yang ada sebab untuk berpuasa seperti membayar nazar atau kefarah. Puasa-puasa sunat yang dilakukan oleh para isteri yang tidak mendapat keizinan suami.

Puasa-puasa makruh seperti puasa sepanjang tahun. Berpuasa sunat pada hari Jumaat sahaja atau pada hari Sabtu sahaja. Maka sesiapa yang hendak berpuasa sunat pada hari-hari ini mestilah berturut-turut pada hari sebelumnya atau selepasnya. Dan berpuasa sunnat di hari-hari Tasyrik iaitu pada hari 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Inilah di antara ibadat puasa sunat yang boleh dikerjakan dan yang tidak boleh ditunaikan setelah menghadapi puasa bulan Ramadan. Walaupun di antaranya merupakan ibadat sunat namun ia juga merupakan satu ibadat bagi mengakhirkan ubudiyah kepada Allah Azzawajalla. Betapa pun ia suatu ibadat sunat namun rukun-rukun serta syarat-syaratnya wajiblah diikuti demi mencapai ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala, untuk mencapai akhlak mulia, kebersihan jiwa dan kesucian hati tetapi bukanlah merupakan tujuan berakhir beribadat. Ini adalah selaras dengan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 21 ertinya: *'Hendaklah kamu beribadat menyembah Tuhan kamu....moga-moga kamu bertakwa kepada-Nya.'*

Sekiranya seseorang itu mengerjakan ibadat sama ada puasa wajib, puasa sunat mahupun ibadat-ibadat lain dengan tujuan semata-mata membaikkan akhlaknya tanpa mengambil perhatian hendak menyempurnakan hak Allah ke atasnya, maka ibadat itu tidaklah mempunyai nilai di sisi Allah, sebab itu keikhlasan dalam beribadat sangat-sangatlah dituntut di dalam Islam.

# Berselawat : Tanda ingatan kita kepada Rasulullah S.A.W

## Menuju Keredaan Allah

SEBAGAI orang Islam kita tidak hanya beriman kepada Allah tetapi juga kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi terakhir yang diutus Tuhan kepada umat manusia sebagai pelanjut dan penerus dakwah para rasul yang terdahulu iaitu menegakkan aqidah Islamiah, tiada Tuhan selain Allah Subhanahu Wataala.

Kita beriman kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bererti kita memberikan ketaatan yang bulat padu, tidak berbelah bahagi kepada Baginda, kita menerima dan mengamalkan seluruh ajaran yang Baginda sampaikan serta mencontohi dan menteladani sikap, peribadi dan cara hidup Baginda. Keimanan yang mendalam kepada Baginda akan melahirkan sepenuh ketaatan kepada Baginda sehingga dengan itu kita terdorong mengamal dan melaksanakan ajaran-ajaran Islam dengan baik dan sempurna dan dengan demikian kita menjadi orang Islam yang mantap aqidahnya serta benar-benar bertakwa kepada Allah.

Keimanan dan ketaatan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melahirkan kecintaan yang mendalam kepada Baginda. Dalam Islam, orang-orang Islam dituntut mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara sungguh-sungguh bukan alang-alang atau sedikit-sedikit, tetapi rela berkorban jiwa dan raga.

Ertinya cinta kita kepada Baginda itu mengalahkan cinta kita kepada segala yang kita cintai di dunia ini termasuk diri kita sendiri. Kerana tidak syak lagi cinta sekukuh ini akan dapat menjadikan kita taat, patuh, menghayati aqidah Islamiah dan mengamalkannya dengan melaksanakan ajaran-ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis dengan reda, ikhlas dan penuh ketakwaan.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: *"Tidak beriman, belum sempurna iman salah seorang di antara kamu sehingga aku lebih dicintainya daripada ia mencintai dirinya sendiri, orang tuanya, anaknya dan manusia seluruhnya."*

Kecintaan kepada Nabi sehebat ini dapat kita lihat dari catatan-catatan sejarah. Sebagai contoh, cinta seorang wanita Muslimah ketika dikhabarkan berita sedih bahawa ayah, suami dan saudara lelakinya telah terkorban dalam perang Uhud, tidak memperlihatkan rasa sedih dan kehilangannya sebaliknya memperlihatkan rasa bimbangnya kepada keselamatan Nabi, ia bertanya "Bagaimana keadaan Rasulullah?" Orang menegaskan Rasulullah selamat tetapi wanita itu kurang yakin lalu meminta izin dibawa menemui Nabi. Setelah mendapati Rasulullah masih hidup dan selamat, ia berkata: "Segala bencana yang menimpa diriku amat kecil rasanya asalkan Rasulullah selamat sejahtera."

Di antara cara membuktikan kita benar-benar beriman, taat dan mencintai Baginda di samping kita mengamalkan ajaran-ajarannya kita dituntut memperbanyak ucapan selawat tanda ingatan kita kepada Baginda tidak pernah luput.

Selawat bererti doa, keberkatan, rahmat dan kebaikan. Jadi bila kita mengucapkan selawat atau berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ertinya kita memohon kepada Allah supaya Baginda dikurniai keberkatan, rahmat dan kebaikan. Untuk lebih jelas kita perhatikan lafaz ucapan selawat yang selalu kita sebut: *Allahumma Salli Ala Muhammad Waala Ali Muhammad, "Ya Allah berikanlah keberkatan, rahmat, kebaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan keluarga Baginda."*

Ini adalah selawat secara ringkas. Selawat lengkap adalah selawat yang kita baca semasa Tasyahhud atau tahiyyat akhir dalam sembahyang. Atau boleh juga kita ucapkan: *Sallallahu Alaihi Wasallam, "Mudah-mudahan Allah memberikan keberkatan, rahmat dan kebaikan kepadanya."*

Ucapan ini tidak hanya mengandungi selawat tetapi juga salam kepada Baginda yang selalu kita ucapkan ketika menyebut atau menulis nama Baginda sedangkan ucapan: *Allahumma Salli Ala Muhammad* kita ucapkan sebagai menjawab selawat ketika nama Baginda disebut. Sebagai contoh, ketika kita sedang duduk-duduk berehat bersama keluarga kita terdengar nama Baginda disebut melalui radio atau televisyen, lalu kita menjawab dengan selawat: *Allahumma Salli Ala Muhammad*

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai keistimewaan kerana Baginda tidak sahaja menerima selawat dari kita umat Islam, tetapi juga menerima ucapan selawat dari Allah dan para malaikat-Nya, ini adalah disebabkan kedudukan Baginda yang mulia di sisi Tuhan. Tuhan berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bererti Tuhan berkenan memberikan keberkatan dan rahmat kepada Baginda sedang selawat para malaikat sama erti dan tujuannya dengan selawat kita orang-orang Islam iaitu berdoa, memohon kepada Allah supaya Tuhan berkenan memberikan keberkatan dan rahmat kepada Baginda.

Firman Allah yang bererti: *"Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu dan sampaikanlah salam kepadanya dengan penuh penghormatan."*

Allah Subhanahu Wataala menggalakkan kita berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai tanda hormat dan kasih kita kepada Baginda yang dengan berkat sabar dan tabah Baginda menyampaikan dakwah Islamiah kita menjadi orang Islam, yang terpimpin hidupnya, yang berbahagia dunia dan akhirat. Nabi Muhammad sendiri dalam banyak hadis-hadis Baginda selalu menekankan supaya kita memperbanyak ucapan selawat, kerana sesungguhnya selawat kita itu akan disampaikan kepada Baginda.

Hadis ini diriwayatkan oleh Sayidina Ali Karramallahu Wajhah: *"Perbanyaklah ucapan selawat kepadaku, sesungguhnya ucapan selawat kamu itu boleh menyebabkan dosa-dosa kamu diberi keampunan, pohonlah supaya aku menjadi perantara dan darjat yang tinggi kerana perantaraanku di sisi Tuhan itu menjadi syafaat bagi kamu."*

Kerana mustahaknya setiap kita mengucapkan selawat maka kita diwajibkan membacanya dalam sembahyang dalam Tasyahhud atau tahiyyat akhir. Begitu juga mendahulukan ucapan selawat sebelum memohonkan sesuatu doa adalah menjadi tatacara atau adab dalam berdoa supaya doa kita dimakbulkan.

Sabda Rasulullah yang ertinya: *"Tidak ada suatu doa melainkan di antara doa itu dengan Allah terdapat suatu dinding penghalang sampainya doa kepada Tuhan, dinding itu hanya akan tersingkap apabila orang yang berdoa itu membaca selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika tidak berselawat doa akan terhalang dan tidak diterima."*

Begitu juga ucapan selawat ditekankan supaya diucapkan dalam setiap majlis atau perjumpaan yang berkebajikan supaya ia menjadi raudhah min raudatil zinnah, sebuah taman dari taman-taman syurga yang ertinya kita memperoleh berkat, pahala dan rahmat dari Allah Subhanahu Wataala.

Sabda Rasulullah yang ertinya: *"Hiasilah tempat-tempat pertemuan kamu dengan membaca selawat untukku, kerana sesungguhnya selawat untukku itu menjadi sinar di hari kiamat."*

Mudah-mudahan selawat kita itu dapat menyinari kita di kegelapan Kiamat.

# Didenda tidak hormati puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai enam orang lagi telah didapati bersalah oleh Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara dan Mahkamah Kadi Daerah Belait atas kesalahan menghisap rokok, makan dan minum di khalayak ramai dalam bulan puasa lepas. Mereka ini terdiri dari Awang Rosli bin Abd. Hamid dari Kampong Anggerek Desa, L/CPL 6701 Anuar bin Md. Zain dari Kampong Burung Pingai Ayer, Mohammad bin Taha dari Kuala Belait, Ak. Md. Daud bin Pg. Badar dari Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda, Awang Dul bin Alias dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Awang Zulkifli bin Haji Salim dari Kampong Peramu, Bandar Seri Begawan. Mereka ini masing-masing telah membayar denda sebanyak $230.00 dan $250.00 tiap-tiap seorang.

# PERKEMBANGAN RBA TERUS MENINGKAT MAJU

**Oleh Abd. Karim HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 70 orang perwakilan telah menghadiri Persidangan ke-10 Pemasaran Penerbangan Diraja Brunei di Dewan Serbaguna, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan pada 11 Jun hingga 12 Jun lepas.

Mereka terdiri dari perwakilan 'Diraja Brunei' di London, Bangkok, Sydney, Darwin, Tokyo, Taipei, Hongkong, Manila, Jakarta, Kuching, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Singapura serta pihak pengurusan syarikat berkenaan.

Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Matassim dalam ucapan perasmiannya telah menjelaskan perkembangan semasa syarikat berkenaan yang meliputi destinasi terbaru ke Taiwan; pembelian tiga buah Boeing 757; perlantikan wakil penjualan di Taiwan, Jepun, Indonesia, Semenanjong Malaysia dan Thailand.

Ia juga meliputi pembukaan pejabat-pejabat baru di Singapura; penggunaan komputer secara meluas; peningkatan mutu layanan di setiap penerbangan; memperkembangkan keupayaan teknikal dan latihan-latihan intensif bagi kakitangan di semua jabatan dan peringkat.

Menyentuh mengenai pemasaran syarikat di luar negeri, beliau berharap para perwakilan di luar negeri akan berusaha menyelidik dan memberi maklum balas yang berguna bagi mengatur strategi pekembangan 'Diraja Brunei'.

Aturcara di persidangan itu antara lain membincangkan pencapaian syarikat; taraf perkhidmatan dan penyusunan perdagangan, pasaran, perancangan serta hal-ehwal perhubungan awam.

## Ejen pelancongan terima cenderamata

JERUDONG. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah mengadakan Majlis Penyampaian Cenderamata 87' kepada beberapa ejen pelancongan di negara ini bertempat di Jerudong Park di sini pada 6 Jun lepas.

Pengurus Perdagangan, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad berkata, tahun ini merupakan tahun yang bersesuaian bagi penyampaian cenderamata tersebut, di mana ejen-ejen pelancongan telah memberikan sumbangan kepada peningkatan 8.6 peratus jualan dalam tahun 1986-87.

Cenderamata tersebut telah disampaikan kepada Ken Travel, Wing On, Anthony Tours and Travel, Straits Central Agencies, Frame Travel, Zura Travel Services, Jasra Harrison Travel KB dan (BSB), Brunei Travel Services dan JJ Tours Services. Sementara itu, Overseas Travel mempunyai perkembangan yang paling tinggi dalam penjualan.

Majlis hari itu dihadiri oleh Timbalan Pengurus Am RBA merangkap Pengurus Kakitangan, Awang Brahim bin Haji Ismail, ahli-ahli pengurusan kanan dan kakitangan penyeliaan. Turut hadir ialah wakil-wakil penerbangan dan ejen-ejen kargo.

Majlis itu juga mengadakan cabutan tiket bertuah, pertama ke Taipei, kedua ke Bangkok dan ketiga ke Singapura.



AWANG Brahim bin Haji Ismail, Timbalan Pengurus Am RBA merangkap Pengurus Kakitangan menyampaikan cenderamata kepada salah seorang perwakilan ejen pelancongan di negara ini. — Gambar ihsan RBA.

## Hadiri persidangan penyalahgunaan dadah di Vienna

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menghantar satu rombongan ke Vienna, Austria, untuk menghadiri "Persidangan Mengenai Penyalahgunaan dadah dan Pengedaran Haram" yang bermula pada hari ini 17 Jun hingga 26 Jun.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Persidangan itu ialah Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul [illegible] Dato Setia Haji [illegible] Taib.

Sebelum itu [illegible] Abdul Razak [illegible] Muhammad [illegible] Tetap, Kementerian [illegible] jaran dan dua orang [illegible] kementeriannya [illegible] pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar [illegible] berlepas ke Vienna [illegible] rombongan awal [illegible] sidangan tersebut.

Persidangan [illegible] jangka dihadiri [illegible] negara Asia, Afrika [illegible] Amerika termasuk [illegible] Syarikat dan Kanada [illegible] Barat dan Timur [illegible] negara Pasifik.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pelajaran, Awang Haji Abd. Razak bin Haji Muhammad beserta [illegible] pegawai dari Kementerian Pelajaran dan seorang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri [illegible] sebelum berlepas ke Vienna. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Ungkayahkan kegiatan-kegiatan yang berkebajikan

SERIA. — Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei (KSPMB) telah mengadakan Majlis Jamuan Aidilfitri pada 6 Jun lalu, di Dewan Tari Menari Kelab Ria Shell di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu Awang Haji Mukim bin Awang Hassan, yang mewakili pihak Pesuruhjaya Buruh merangkap Pendaftar Kesatuan-Kesatuan Sekerja di negara ini, menyarankan supaya kesatuan tersebut mengungkayahkan kegiatan-kegiatan yang berkebajikan untuk ahli-ahlinya, yang mungkin boleh dijadikan projek tahunan.

Katanya, ini juga sebagai salah satu usaha pada meninggikan mutu kegiatan kesatuan berkenaan selain dari mengelinga dan giat berunding dari masa ke semasa, di antara para ahli dan majikan.

Satu pindaan ke atas Perjanjian Bersama bagi Perenggan 35 dari Kolektif Perjanjian Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei telah dibuat dalam bulan April lepas, yang mana menurut Awang Haji Mukim, adalah merupakan kejayaan kesatuan keseluruhannya.

Yang Dipertua KSPMB, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Omarali menjelaskan, selain dari mengadakan aktiviti seumpama itu, kesatuan tersebut juga akan sentiasa berusaha mengadakan pelbagai kegiatan untuk kepentingan bersama.

Majlis itu antara lain dihadiri oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan Syarikat Minyak Shell Brunei.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Limau Manis | 17.6.1987 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 17.6.1987 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Masin | 17.6.1987 | Rabu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Kupang | 17.6.1987 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Pantai Berakas | 18.6.1987 | Khamis | 9.00–10.00 pagi |
| Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut | 18.6.1987 | Khamis | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Jerudong | 20.6.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 20.6.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Sengkurong | 20.6.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut) | 20.6.1987 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 20.6.1987 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu | 21.6.1987 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Perpindahan Serasa | 21.6.1987 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Di Hadapan Kedai Muara | 21.6.1987 | Ahad | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Lumapas | 22.6.1987 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Junjungan | 22.6.1987 | Isnin | 9.00–10.00 „ |
| Sekolah Rendah Panchor Murai | 22.6.1987 | Isnin | 10.15–11.15 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah) | 22.6.1987 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas | 22.6.1987 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Rendah OKBI Subok | 23.6.1987 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak | 23.6.1987 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Bolkiah Garrison | 23.6.1987 | Selasa | 10.00–11.00 „ |



## Lantikan ketua kampung

PENGIRAN Haji Umar bin Pengiran Haji Sulaiman telah [illegible] Kampong sementara bagi Kampong Jaya Setia dan Jaya [illegible] Brunei-Muara. Beliau menerima surat lantikan dari [illegible] Daerah, Awang Salleh Haji Mohiddin pada 11 Jun lalu [illegible] Gambar oleh Harun Rashid.

## Perarakan kereta berhias

KUALA BELAIT. — Bersempena Perayaan Ulang Tahun Puja Usia ke-41 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun ini, Daerah Belait akan mengadakan satu perarakan kereta berhias, tanglung berjalan kaki dan basikal berhias secara besar-besaran.

Perarakan in akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian sekolah-sekolah rendah kerajaan, sekolah-sekolah menengah dan maktab kerajaan, sekolah-sekolah misi dan China, bahagian kampung-kampung, persatuan-persatuan, kelab-kelab, pertubuhan-pertubuhan dan syarikat-syarikat swasta serta dari jabatan-jabatan kerajaan.

Sementara perarakan kereta berhias hanya dikhaskan untuk jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pemborong-pemborong, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan yang tinggal di Daerah Belait saja dibolehkan untuk ikut serta.

Manakala perarakan basikal berhias hanya terbuka kepada orang ramai yang tinggal di Daerah Belait.

Orang ramai di daerah tersebut yang ingin menyertai perarakan bolehlah mendapatkan borang serta keterangan-keterangan yang lebih lanjut daripada Setiausaha Perarakan, Haji Abang Morshidi bin Haji Abang Suhaili di Jabatan Sekolah-sekolah Daerah Belait, Bahagian Kegiatan Luar Unit Jasmani. Atau dari Penolong Setiausaha Perarakan, Awang Abdul Rashid bin Haji Talib di Pejabat Pengangkutan Darat, Kuala Belait.

Tarikh tutup menerima borang ialah pada 16 Julai, 1987.



MENTERI Perhubungan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz tidak ketinggalan melawat ke bahagian "Stoger exchange" yang menampung sebanyak 1,060 talian biasa Daerah Tutong. — Gambar Pg. Abu Bakar PHO.

## Rombongan perubatan

ROMBONGAN perubatan menggunakan pesawat helikopter ke kawasan-kawasan pedalaman akan bermula dari 1.7.1987.

Jadual lawatan ke tiap-tiap kawasan adalah mengikut jadual lawatan, termasuk kawasan pedalaman tiap-tiap Daerah:—

| KAMPUNG | ULU | TARIKH | HARI |
|---|---|---|---|
| Sukang | Belait | 1.7.87 | Rabu |
| Belabau | Tutong | 6.7.87 | Isnin |
| Melilas | Belait | 7.7.87 | Selasa |
| Supon Besar | Tutong | 8.7.87 | Rabu |
| Long Mayan | Tutong | 13.7.87 | Isnin |
| Bukit | Tutong | 14.7.87 | Selasa |
| Teraja | Belait | 20.7.87 | Isnin |
| Apak-Apak | | | |
| Buau | Belait | 21.787 | Selasa |
| Benutan | Tutong | 22.7.87 | Rabu |
| Mapol | Tutong | 27.7.87 | Isnin |
| Lopat | Temburong | 28.7.87 | Selasa |
| Lamaling | Temburong | 29.7.87 | Rabu |

Penerbangan tambahan akan diperlukan bagi Perkhidmatan Perubatan Terbang pada melawat Kampung Merangking, Ulu Belait, bagi bulan Julai 1987, jika keadaan jalan raya tidak dapat dilalui disebabkan banjir.

# PERKHIDMATAN IDD DI DAERAH TUTONG DILANCAR

**Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor**

BUKIT BENDERA. — Jabatan Telekom cawangan Tutong telah memulakan perkhidmatan panggilan secara terus-menerus ke seberang laut, (IDD) apabila perkhidmatan itu dilancarkan Sabtu lepas.

Pelancarannya dilakukan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Pejabat Telekom di sini dengan membuat panggilan pertama kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Indonesia, Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Menteri Perhubungan yang disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Chuchu kemudiannya melawat ke bahagian-bahagian Pejabat Telekom daerah itu termasuklah juga stesen ibu sawat telekom di Bukit Ambok.

Menurut jurucakap Kementerian Perhubungan, perkhidmatan IDD adalah sebagai permulaan dalam rancangan jangka panjang telefon-telefon IDD ini dipasang di Pejabat Telekom di Daerah Tutong. Perkhidmatan IDD secara meluas akan dapat diberikan kepada orang ramai pada hujung tahun 1988 dengan siapnya ibu sawat Digital yang telah pun dirancangkan di daerah itu.

Buat masa ini, sebanyak 1,060 talian biasa telah digunakan di daerah itu dan dalam perancangan baru, sebanyak 3,000 talian lagi akan dipasang bagi ibu sawatnya dan beberapa buah Remote Subscriber Line Unit (RSLU) juga dirancang untuk diadakan di kawasan-kawasan Telisai, Tanjong Maya, Kupang, Bukit Beruang, Kiudang, Lamunin, Sinaut, Penanjong dan Binturan pada hujung tahun 1988.

Menteri Perhubungan juga mengadakan lawatan ke Stesen Satelit Bumi di Telisai pada hari sebelum pelancaran IDD ini dibuat. Dari segi perkhidmatan Stesen ini dibuat di antara tahun 1984-1985 ianya telah mengatasi semua satelit bumi di seluruh dunia dan mendapat tempat pertama sebagaimana yang disahkan oleh INTERSAT.

## Adakan lawatan ke Peranchis dan Sweden

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan kini berada di Peranchis dan seterusnya ke Sweden, bagi lawatan rasmi selama sepuluh hari.

Lawatan tersebut adalah atas undangan Kerajaan Peranchis dan Sweden. Di Peranchis, Yang Berhormat menyaksikan Pertunjukan Udara yang berlangsung di Paris, sementara di Sweden pula antara lawatan Yang Berhormat ialah ke institusi-institusi pentadbiran dan keselamatan jalan raya dan Pusat Latihan Telekom.

Turut serta dalam rombongan Yang Berhormat termasuklah Awang Job Lim, Pengarah Penerbangan Awam, Pengiran Haji Shahminan bin PSI Pengiran Haji Ismail, Timbalan Pengarah Telekom, Pengiran Rakawi bin Pengiran Haji Sabli, Timbalan Pengawal Pengangkutan Darat, dan Awang Abd. Salam

## Kursus bagi Pegawai Kastam dan Unit Perancang Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Customs Cooperation Council Nomenclature kumpulan pertama akan bermula pada 22 Jun, 1987 hingga 27 Jun 1987 jam 8.30 dan kumpulan kedua bermula dari 29 Jun, hingga 4 Julai, 1987 bertempat di Unit Latihan Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang, Negara Brunei Darussalam.

Kursus ini dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Perjawatan dengan Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam dengan kerjasama Pejabat Kastam dan Unit Perancang Ekonomi.

Tujuan kursus ini ialah untuk memberi kefahaman dan mempertingkatkan kemahiran dalam penggunaan CCCN dan Perintah Cukai Kastam.

Peserta-peserta yang mengikuti kursus ini ialah terdiri dari pegawai-pegawai Kastam dan pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi.

# Dua firma persendirian derma kerusi roda

BERAKAS. — Dua buah firma persendirian yang beribu pejabat di negara ini dan Singapura telah menyumbangkan sebuah kerusi roda kepada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sempena kejohanan sukan orang-orang cacat yang telah diadakan baru-baru ini.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Awang Michael Pang dari Rampart Marketing Services (Private) Limited kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, bertempat di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di sini pada 11 Jun lepas.

Kerusi roda yang berharga $3,200 itu dibeli dari Sweden dan direka khas bagi menonton kejohanan dunia untuk orang-orang cacat di Bo Lindkvist pada tahun 1981.

Majlis penyerahan kerusi roda pada pagi itu disaksikan oleh Ketua Pegawai Kebajikan, Awang Abdul Halim bin Haji Othman.



PENGIRAN Asmalee, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan memerhatikan kerusi roda yang disumbangkan selepas majlis penyerahan dilangsungkan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## Harga barang-barang keperluan

**SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan seharihari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 10 Jun, 1987.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**

(1) Asam Jawa (Cap Bunga) 3 bungkus $1.00.
  a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.

(2) Bawang Besar 1 kilogram 80 sen/1 kati 50 sen.
  a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.

(3) Lada Kering 1 kilogram $3.30/1 kati $2.00.
  a) Chop Hen Long No. 31 Jalan Sultan.
  b) Kedai Leong Suom Huat, No. 1, Jalan McArthur.

(4) Bawang Merah 1 kilogram $2.00/1 kati $1.20.
  a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
  b) Kedai Liong Chuan Jalan MuArthur.

**KUALA BELAIT**

(1) Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 50 sen.
  a) Kedai Chang Seng Heong No. 103 Jalan McKerron.

(2) Bawang Besar 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
  a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.

(3) Lada Kering 1 kilogram $5.80 / 1 kati 3.50.
  a) Kedai Koh Kee No. 60, Jalan Pretty.

(4) Bawang Merah 1 kilogram $3.00/1 kati $1.80.
  a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.

**SERIA**

(1) Asam Jawa (Cap Bunga) sebungkus 45 sen.
  a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

(2) Bawang Besar 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
  a) Kedai Haji C. A. Mohammad No. 51 Jalan Bunga Kuning.
  b) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

(3) Lada Kering 1 kilogram $4.60/1 kati $2.80.
  a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

(4) Bawang Merah 1 kilogram/$3.00/1 kati $1.80.
  a) Kedai Yuan Ho Hiung No. 49, Jalan Bunga Kuning.
  b) Kedai Hui Guan No. 48 Jalan Bunga Kuning.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 17 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 EUREKA
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MR BELVEDERE
5.20 SURVIVAL
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 SURVIVAL — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SMALL WONDER
7.50 AZAN ISYAK
7.55 THE LAST PRECINCT: "Teohold"
Kapten Wright memakai sarung kaki dan topeng apabila menyamar sebagai ahli gusti profesional dalam usaha untuk menghalang satu plot rompakan bank yang besar.
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 BIMBINGAN ISLAM
10.10 SPORTS
10.55 DELIBERATE STRANGERS
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 18 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 BERENSTEIN BEARS (Episod terakhir)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.59 ONCE UP A TIME: "Birds Of A Feather Flock Together"
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 GHOSTBUSTERS: "My Present To The Future"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 GHOSTBUSTERS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WEBSTER
7.50 AZAN ISYAK
7.55 PAPER CHASE
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 DUNIA MINGGU INI
10.35 MAGNUM: "Death And Taxes"
Magnum menjadi sasaran utama seorang pembunuh yang tidak siuman yang melakukan pembunuhan dengan rangkap-rangkap pantun.
11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Twist"
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 19 JUN

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA/NADASARI

**PETANG**

1.25 MR T
1.50 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.15 SPORTS
3.15 CODENAME ICARUS
3.49 AZAN ASAR
3.54 AL-KISAH: "Kisah Kura-Kura" (ulangan)
4.02 LIFE WITH LUCY: "Lucy And Cutis Are Up A Tree"
4.32 ODYSSEY FEATURES: "Time Wrap"
5.22 Q. E. D.: "The Body In The Bog"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 Q. E. D. — sambungan
5.57 FILLER
6.20 MUPPET BABIES
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 MUPPET BABIES — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE MAKING OF . . .
7.50 AZAN ISYAK
7.55 HOT PURSUIT: "Goodbye ...... I Love You"
Jim dan Kate mencari perlindungan di sebuah markas tentera dan kemunculan Jim itu membuat seorang pegawai veteran yang pernah Jim selamatkan dari sebuah serangan di Vietnam yang mengalami gangguan otak, mula melupakan perkara yang lepas cuba hendak membunuh Kate.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "No Mas, Manore"
10.30 KNOTS LANDING: "High School Confidential"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 20 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 360 DEGREES
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 360 DEGREES — sambungan
6.05 VALERIE
6.25 THUNDERCATS
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.49 THUNDERCATS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THREE'S COMPANY
7.50 AZAN ISYAK
7.55 THE WIZARD: Endangered Species"
Simon dan Alex menghadiri ceramah oleh seorang antropologis yang menemui seorang gadis yang telah dibesarkan oleh serigala. Bagi Simon gadis tersebut sepatutnya dilayan sebagai seorang manusia biasa bukannya sebagai bahan kajian.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.00 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA/MELAYU
11.30 ENTERTAINMENT THIS WEEK
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 21 JUN

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.18 MUSICAL: Tube Compilation
12.24 AZAN ZUHUR
12.29 MUSICAL — sambungan

**PETANG**

1.05 REAL PEOPLE
1.55 TAYANGAN GAMBAR
3.25 SMURFS
3.49 AZAN ASAR
3.54 SILVERHAWK
4.30 DRAMA
5.10 SPORTS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SPORTS — sambungan
6.05 AGRICULTURE
6.20 GROWING PAINS: "The Anniversary That Never Was"
Jason dan Maggie menghargai anak-anak mereka yang telah membiarkan mereka sehari suntuk meraikan hari ulangtahun perkahwinan mereka. Tetapi semua rancangan mereka rosak apabila Maggie dipanggil untuk melakukan satu tugas.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.50 GROWING PAINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 ALLO ALLO
7.51 AZAN ISYAK
7.56 OUR HOUSE: "See You In Court" (Episod akhir)
Dalam episod terakhir ini, Gus telah dilantik menjadi juri. Dan dalam perbicaraan, keputusan telah diambil bahawa peguam bagi yang dibela tidak melakukan pembelaan yang wajar dan ia sendiri pergi mencari kebenaran demi keadilan.
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA/FORUM
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 HIBURAN TEMPATAN
11.05 SPEARFIELD'S DAUGHTER
11.50 THE EDGE OF DARKNESS
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 22 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 WILDFIRE
5.00 NATURAL WORLD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 NATURAL WORLD — sambungan
6.15 EDISON TWINS
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.50 EDISON TWINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WHO'S THE BOSS
7.51 AZAN ISYAK
7.56 STINGRAY
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 SUPERSTAR OF WRESTLING
11.05 TAYANGAN GAMBAR
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 23 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 STANLEY BERGSHAW
4.55 THE KID FROM 47A: "The Vandal"
Didorong oleh rasa minat yang sangat mendalam, George yang berumur tahun bertindak luar dari batasan ketika menyertai projek sains mengenai pencemaran dan ekologi disyaki mencuri sejenis tumbuhan yang susah didapati.
5.20 THE PUNKY BREWSTER
6.15 CHARLES IN CHARGE
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.50 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MARI MEMASAK: "Mee Berempah"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
7.51 AZAN ISYAK
7.56 STARMAN
9.00 WARTA BERITA
9.25 RENCANA TEMPATAN
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 NORTH AND SOUTH
11.05 EASY STREET
11.45 SIARAN TAMAT.



SIRI komidi CHARLES IN CHARGE yang boleh awda saksikan tiap-tiap hari Selasa kira-kira jam 6.15 petang.

# rtb/Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA MALAYSIA '87

SEPERTI tahun-tahun sudah, pada tahun 1987 ini Perkhidmatan Radio Televisyen Brunei sekali lagi berupaya mendekatkan pendengaran peminat-peminat sukan bola sepak khasnya dan para pendengar radio amnya, dengan laporan-laporan Perlawanan Bola mana Piala Malaysia, di Negara Darussalam merupakan salah sebuah negara luar dari Malaysia diundang sama untuk menyertai Perlawanan Bola Sepak ini sejak tahun 1979 lagi.

Kepada peminat-peminat permainan sukan bola sepak khasnya dan pendengar-pendengar radio umumnya, kami rasa saudara-saudara agak sukar sedikit untuk datang berkunjung ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Hal ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara terutamanya di segi perjalanan yang agak jauh. Tetapi walau bagimanapun, saudara peminat dan juga para pendengar tidak akan hampa untuk mengikuti perlawanan bola sepak yang agak hebat ini. Menerusi alat-alat komunikasi moden kesukaran-kesukaran tersebut dapat diatasi. Apa yang penting ialah supaya saudara akan memanfaatkan alat radio untuk mengikuti setiap laporan-laporan Perlawanan Bola Sepak Piala Malaysia, yang akan dilaporkan terus-menerus oleh pengulas-pengulas sukan dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah ke seluruh negara.

Sepanjang laporan Perlawanan Bola Sepak Piala Malaysia yang dibentangkan oleh pengulas-pengulas sukan di radio pada masa-masa yang lalu, para pendengar tentu telah mengikuti secara terperinci tentang prestasi para pemain kebangsaan kita. Para pendengar juga senantiasa dalam perasaan berdebar-debar apabila mendengar pasukan negara kita berada di saat-saat kritikal, menghadapi pasukan lawannya. Dan bermacam-macam lagi perkara yang timbul dari kesan mendengar 'audio,' yang dilahirkan oleh alat elektronik tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak Perkhidmatan Radio Brunei selaku media pemberitahu berbagai-bagai maklumat kepada masyarakat pendengar di negara ini, tidak akan memberikan harapan kecewa kepada semua peminat sukan bola sepak di negara ini. Sebagaimana harapan saudara pendengar, begitulah juga harapan kami di Radio Brunei, ingin melihat kecemerlangan pasukan kebangsaan kita pada tahun 1987 ini.

Apa yang pentingnya, bersama-samalah kita memberikan sokongan moral kepada pasukan kebangsaan kita, teristimewa kepada pemain-pemain baru, yang pertama kalinya ditonjolkan pada tahun ini dan juga para pemain lama yang gigih dan berpotensi dalam sukan ini.



CHRISTOPHER Plummer memainkan peranan sebagai Lord Jack Cruze, seorang saudagar yang kaya dan berkuasa serta orang yang memiliki sesuatu dan berharap akan memenangi kasih sesiri "Spearfield's Daughter" Spearfield (Kim Bredan) dalam yang akan dapat awda saksikan pada ... mengandungi enam episod ... Ahad kira-kira jam 11.00 malam.

## Sandiwara Radio:

# "Sinar Dari Kelopak Putih"

PENULIS Sani A. B. kali ini berpeluang untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan karyanya yang berjudul "SINAR DARI KELOPAK PUTIH."

Kisah yang berkisar dalam sebuah keluarga ini, membentangkan tentang kekejaman Amran dalam keluarganya sendiri. Ia tidak menyenangi kehadiran Kamal sebagai anak angkat dalam rumah itu. Walaupun begitu, Kamal ternyata lebih bertanggungjawab terhadap ibu dan adik mereka Idah. Tapi kemudiannya ia terpaksa melarikan diri.

Amran pula hanya sibuk ke hulu ke hilir dengan sikapnya yang tidak menyenangkan orang lain. Gangguan demi gangguan dilakukannya sehingga penduduk di sekitar kampung itu tidak menyenanginya.

Penghulu terpaksa meminta Mak Sura untuk menasihati anaknya Amran agar tidak lagi mengulangi perbuatannya yang keji itu. Bagaimanapun Mak Sura tidak dapat berbuat apa-apa kerana ia sendiri sudah tidak dihormati lagi sebagai seorang ibu. Ia hanya mengharapkan Kamal akan kembali ke pangkuan mereka dan memperbaiki keadaan.

Harapan Mak Sura tercapai juga akhirnya bila Kamal kembali. Dengan sedaya-upayanya Kamal cuba menasihati Amran agar tidak lagi melakukan perbuatan yang buruk itu. Berjayakah Kamal mengubah pendirian Amran? Ikutilah nanti siarannya pada 21 Jun, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Hj. Abd. Rahman.

## Sudut Remaja



PENYANYI remaja kali ini bukan saja aktif menyanyi bahkan giat di bidang seni tari Norhaffimi Abd. Hamid baru berusia 15 tahun punya bakat yang boleh diketengahkan.

Norhaffimi memilih dua buah lagu dan akan dapat awda ikuti menerusi rancangan Alam Remaja siaran hari Isnin 22 Jun, 1987 jam 4.00 petang dan akan diulang pada hari Rabu 24 Jun, 1987 jam 8.30 malam.

## Mari Memasak:

# MEE BEREMPAH

**BAHAN-BAHANNYA :—**

600 gram daging lembu
600 gram bawang besar (hiris dan digoreng) *
20 biji bawang merah *
2 labu bawang putih *
1 batang serai *
2 inci halia *
* = digiling halus
1 sudu makan serbuk jintan manis
1 sudu makan serbuk jintan putih
1 sudu makan serbuk ketumbar
1 sudu teh serbuk lada
1 tin krim pekat
1 tin susu cair
1 biji kelapa (diambil santannya)
1 tin minyak sapi (16 aun)
6 biji bawang merah (dihiris dan digoreng)
6 biji tomato (dihiris bulat)
20 sen daun bawang & daun soup (dihiris)
6 biji telur ayam (direbus)
8 biji lada hidup
2 kilo mee basah
garam dan serbuk perasa secukupnya.

**CARA-CARA MEMBUATNYA :—**

Daging dipotong sebesar 5cm. cuci dan toskan.

Panaskan minyak sapi dan masukkan bahan-bahan yang digiling halus tadi. Tumis hingga wangi baunya dan masukkan rempah-rempah serbuk. Gaul hingga bercampur rata dan masukkan daging. Apabila daging empuk, masukkan santan sedikit hingga mendidih dan masukkan lagi santan hingga habis. Setelah mendidih masukkan susu cair, susu krim pekat dan kacau hingga rata. Bubuhkan garam, serbuk perasa secukupnya dan sesudu gula, jika suka.

Mee direbus sekejap dan ditoskan.

Daging dikeluarkan dan dihiris nipis.

Tumpahkan kuah ke mee yang telah dihidang di piring bujur dan hiaslah dengan tomato, telur, daging, bawang goreng, cili hidup, daun soup dan daun bawang.

# SEMPENA SAMBUT

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Walaupun kita mampu membekalkan angkatan ... dengan alat kelengkapan yang moden namun kadar penduduk dan keperluan pertahanan ... seimbang.**

**Ke arah itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menaruh harapan yang tinggi supaya ... akan tampil untuk berbakti kepada nusa, bangsa dan Negara Brunei Darussalam.**

# KADAR PEND DAN KEPERL PERTAHAN BELUM SEIMB

Perkara sedemikian ditimbulkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam Buku Cenderamata Kenang-Kenangan sempena menyambut ulang tahun ke-26 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini.

"Adalah perlu diingat bahawa kadar penduduk dan keperluan pertahanan bagi negara ini belumlah seimbang, walaupun kita mampu membekalkan angkatan pertahanan kita dengan alat kelengkapan yang moden," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Bersempena dengan ulang tahun ABDB tahun ini, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad menyeru seluruh anggota ABDB supaya terus berkhidmat demi untuk nusa, bangsa dan raja semata-mata kerana Allah Subh... Wa...

Keamanan dan kesejahteraan yang sama-sama kita nikmati dewasa ini adalah hasil daripada titik peluh dan bakti kita yang tidak pernah mengenal lelah," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, dalam usaha menambahkan kemahiran anggota-anggotanya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menganjurkan seminar-seminar serta juga menghantar anggotanya untuk menghadiri kursus dan seminar di luar negeri.

... memenuhi keperluan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dewasa ini, usaha-usaha untuk mengambil berkhidmat orang-orang baharu sentiasa dipertingkatkan.

Menyentuh disiplin anggota ABDB dengan adanya masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah di kalangan anggotanya, Yang Dimuliakan Pehin memberitahu bahawa ... dapat dikurangkan dengan melaksanakan pemeriksaan dan penyiasatan di samping mengendalikan ceramah dadah dan kuliah ugama.



DARI ... yang dibuat khas, para anggota tentera ini telah menunjukkan kecekapan mereka bergerak dengan meluncur dari tali yang sedia dipasang.

# Hari terbuka dilangsungkan di tiga buah daerah

Oleh Bolhassan HAB

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan hari terbuka secara serentak di tiga buah daerah pada 14 Jun yang baru lalu. Hari terbuka diadakan sempena memperingati ulang tahun ke-26 penubuhan ABDB.

Di Daerah Brunei dan Muara ianya diadakan di Padang Menglait, Gadong; di Daerah Belait bertempat di Padang Kelab Ria Kuala Belait.

Sementara di Daerah Temburong ia diadakan di kawasan lapang berhadapan Pejabat Daerah.

Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan berbagai acara perlawanan di samping pertunjukan-pertunjukan oleh ahli-ahli tentera di Daerah Brunei dan Muara.

Menyaksikan pertunjukan selaku tetamu kehormat di hari terbuka yang diadakan bagi Daerah Belait, ialah Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab.

Manakala Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit pula menjadi tetamu kehormat bagi daerah tersebut.

Di antara acara yang diadakan pada hari itu termasuklah pertunjukan payung terjun dan pertunjukan perang olok-olok. Hari terbuka bagi Daerah Tutong akan diadakan pada 21 Jun ini.



ADIK ini mengambil kesempatan mencuba menembak dengan salah satu senjata api yang digunakan oleh anggota tentera ABDB.



HARI terbuka sambutan perayaan ke-26 tahun penubuhan ABDB di Daerah ... banyak kepada kanak-kanak untuk beraksi mencuba peralatan tentera ... adik ini beraksi sebagai juruterbang helikopter.



INILAH sebahagian dari pertunjukkan anggota tentera kita di hari terbuka ... kecekapannya bergerak di atas titian dengan memikul peralatan ...

# HARI ULANG TAHUN ABDB KE-26 TAHUN







Oleh Jaafar Haji Ibrahim.
Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha dan Harun Rashid.

DI DAERAH Temburong (gambar atas) orang ramai masyarakat pedalaman tidak ketinggalan menyaksikan Hari Terbuka ABDB. Dalam gambar ini sebahagian dari mereka mendengar penerangan mengenai peralatan dan kelengkapan yang diguna oleh anggota tentera untuk sesuatu operasi yang biasa dilakukan.

BERAKSI meluncur (gambar kiri) dengan tali dari sebuah pesawat helikopter yang turut ditunjukkan seperti gambar ini, tidak kurang menarik perhatian orang ramai yang menyaksikan hari terbuka itu.

PEGAWAI Daerah Temburong (gambar bawah), Awang Othman bin Awang Damit selaku tetamu kehormat Hari Terbuka ABDB daerah itu ketika dibawa menyaksikan sebahagian dari pertunjukan berupa gambar-gambar kegiatan ABDB.

GAMBAR sebelah kanan, anggota payung terjun ABDB menunjukkan keberanian mereka terjun di angkasa dengan tangkas dan cekap mendarat tepat menuju sasarannya di Padang Menglait ketika pertunjukan diadakan di Daerah Brunei-Muara.








# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMUNGUT :

( Bilangan Kod : 068 19 — 164 ).

( Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ).

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

KELAYAKAN:

a) Lulus sekurang-kurangnya Darjah VI atau yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai sedikit pengetahuan tentang Daerah-[illegible] dan pandai sedikit-sedikit bertutur bahasa puak-puak di Daerah Pedalaman.

c) Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.

2. TUKANG KAYU TINGKAT I :

( Bilangan Kod : 060 95 — 411 ).

( Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan ).

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

KELAYAKAN:

a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu sekurang-kurangnya selama 1 tahun.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Tukang Kayu Tingkat II atau jawatan yang sebanding sekurang-kurangnya 3 tahun.

c) Berpengalaman dalam kerja-kerja membaiki perahu temuai dari perahu motosangkut dan boleh membuat perahu temuai atau perahu motosangkut berpandukan plan-plan yang disediakan.

d) Berpengetahuan mengenai jenis kayu-kayan, pengikat-pengikat dan pasangan-pasangan yang digunakan di kapal-kapal dan perahu-perahu.

e) Mahir dalam penggunaan alat perkakas pertukangan kayu termasuk alat-alat yang menggunakan kuasa.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Membaiki perahu-perahu temuai/membuat motosangkut. Membaiki kerosakan pasangan-pasangan badan dan dek kapal-kapal kayu Jabatan Laut.

3. TUKANG KAYU TINGKAT II :

( Bilangan Kod : 060 95 — 412 ).

( Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan ).

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5— $550-$700 sebulan.

KELAYAKAN :

a) Umur tidak kurang dari 20 tahun.

b) i) Sijil dalam kursus Praktikal Pertukangan Kayu (carpentary) dari Maktab Teknikal Brunei.

ATAU

ii) Berpengalaman dalam pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut :—

— Dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.

— Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja yang diarahkan.

— Boleh menaksirkan perbelanjaan - perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut.

— [illegible] lukisan yang disetkan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

Membuat, membaiki dan merawat perahu-perahu motosangkut kayu serta membaiki pasangan-pasangan geladak kayu di atas kapal-kapal Jabatan Laut.

4. PEMANDU MOTOSANGKUT TINGKAT II :

( Bilangan Kod : 060 98 — 157 ).

( Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan ).

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5— $550-$700 sebulan.

KELAYAKAN :

a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan. Mestilah pandai berenang.

c) Berpengalaman sebagai pemandu Motosangkut sekurang-kurangnya 2 tahun dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

Selaku [illegible] sangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang-penumpang dan pengiriman surat atau terlibat di dalam perkhidmatan memandu di Pelabuhan Muara atau lain-lain tugas Jabatan Laut.

5. TUKANG CAT :

( Bilangan Kod : 060 93 — 140 ).

( Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan ).

Tanggagaji : F.1-2-3-4 EB.5 — $445-$700 sebulan.

KELAYAKAN :

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

b) Berpengalaman sebagai Tukang Cat dan tugas-tugas am buruh.

c) Sihat tubuh badan dan biasa bekerja setinggi 100 kaki dan boleh berenang tidak kurang dari 220 ela.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

Di bawah pengawasan memeriksa Lampu-Lampu Isyarat mengenai dengan rawatan, membersihkan dan mencat Lampu-Lampu Panduan [illegible] Tanda-Tanda Pelayaran [illegible] di kawasan perairan [illegible] Brunei dan Pelabuhan [illegible] buhan dan menjaga [illegible] kawasan yang [illegible] dengan rangka-rangka [illegible] naan yang didirikan [illegible] daripada ditumbuhi [illegible] mak, belukar dan [illegible] rumput-rampai serta [illegible] bang pokok-pokok [illegible] hendaki.

AM :

Pemohon-pemohon [illegible] berjaya bagi satu-satu [illegible] tan yang dipohonkan [illegible] lah bersedia untuk [illegible] bila-bila masa dikehendaki [illegible] luar masa pekerjaan [illegible] atau bekerja secara [illegible] (shift) atau semasa [illegible] dan juga hendaklah [illegible] untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Pemohon-pemohon [illegible] diingatkan supaya [illegible] kan nama jawatan [illegible] bilangan kod di dalam [illegible] rang permohonan [illegible] Borang permohonan [illegible] berkenaan bilangan [illegible]

Seseorang pegawai [illegible] sedang berkhidmat [illegible] Kerajaan hendaklah [illegible] hantar permohonannya [illegible] lui Ketua Jabatannya [illegible] Ketua Jabatan [illegible] menyertakan [illegible] dengan permohonan [illegible] Laporan Sulit dan [illegible] an Rekod Perkhidmatan [illegible] lengkap.

Permohonan mestilah [illegible] penuhi dalam [illegible] borang yang boleh [illegible] daripada Pejabat [illegible] Perkhidmatan Awam [illegible] Brunei Darussalam [illegible] tersebut hendaklah [illegible] kan bersama-sama [illegible] salinan surat-surat [illegible] sijil-sijil kepada [illegible] Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, [illegible] SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarihk tutup : 9 Julai, [illegible]

( Bilangan Pendaftaran : 59/1987 ).

( E/870/71 ).

---

### TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

| Bil. Tawaran | Keterangan | Wang Cagaran |
|---|---|---|
| UBD/E8/11/87 | Membekal dan Menghantar "Equipment & Glassware for Biology Department" | $750.00 |
| UBD/E8/12/87 | Membekal dan Menghantar Binoculars | $200.00 |
| UBD/E8/13/87 | Membekal dan Menghantar Computer Network Systems | $750.00 |

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 24 Jun, 1987.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran,
   Tingkat Satu,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

   | | | | |
   |---|---|---|---|
   | Isnin–Khamis | 8.30 pagi | – | 11.00 pagi |
   | | 2.00 petang | – | 3.00 petang |
   | Sabtu | 8.30 pagi | – | 10.00 pagi |
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

---

### Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL. : PPL/MTB/167/1987

Tajuk kerja : ELECTRICAL INSTALLATION FOR THE PROPOSED OF 5 BLOCKS CLASS "C" QUARTERS, RBAF AT FIRST FLOTILLA BASE, MUARA.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 17 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh'ah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/MTB/180/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF INDUSTRIAL SAFETY BOOTS.

Cagaran : $100.00.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

---

### TAWARAN JKR, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 31 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" untuk :

PROJEK No. : AD514/1401

PEMBINAAN PERUMAHAN BAGI PEJABAT PERHUTANAN, SUNGAI LIANG, PEMBINAAN 1 BLOK X 6 UNIT FLAT KELAS C DAN 1 BLOK 12 UNIT BARIK KELAMIN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR KB 32 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AX untuk :

PROJEK No. : 87AR/000561

MEMPERBAIKI KEADAAN PARIT DI SEPANJANG JALAN TIGA SELATAN SERIA, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 22 Jun, 1987.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00.

---

### PEJABAT PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

#### Tawaran Kantin Kakitangan/Pelawat/[illegible] Bagi Rumah Sakit Daerah Temburong

TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menyewa dan menguruskan sebuah kantin di Bangunan Pesakit Luar, dan mengendalikan Kantin Kecil (Snack Bar) Rumah Sakit Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam dengan syarat-syarat seperti berikut :—

1. Tawaran adalah untuk tempoh dua tahun.
2. Perkhidmatan hendaklah dilakukan pada jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam, tujuh hari seminggu termasuk hari-hari kelepasan awam.
3. Pemohon-pemohon yang berjaya sama sekali tidak dibenarkan menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenarannya akan dibatalkan.
4. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan yang beragama Islam.
5. Permohonan yang dapat dipertimbangkan hanyalah mereka yang akan menyediakan makanan halal mengikut hukum Islam yang tertentu.
6. Kebersihan akan sentiasa diutamakan dan pemohon-pemohon yang berjaya akan dikehendaki mengikut segala arahan Pegawai Perubatan, Rumah Sakit Daerah Temburong untuk menjaga kebersihan dan keselamatan alat perkakas kantin.
7. Pemohon-pemohon hendaklah membayar [illegible] garan (deposit) [illegible] $300.00 (wang [illegible]) wang cagaran [illegible] kembalikan kepada pemohon-pemohon yang [illegible] berjaya.
8. Borang [illegible] lah disertakan dengan [illegible] taan yang telah [illegible] ja penyajian yang [illegible] buat serta senarai [illegible] minuman dan jenis [illegible] yang akan dijual [illegible] harganya.
9. Segala tawaran [illegible] dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan sampul surat [illegible] lah ditutup rapi [illegible] menaruh tanda-tanda [illegible] nama pengirim [illegible] ngan perkataan [illegible]

   'TENDER KANTIN RUMAH SAKIT DAERAH TEMBURONG'
10. Permohonan [illegible] pada hari Isnin 29 Jun, [illegible] jam 12.00 tengah hari.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak [illegible] tuk menerima [illegible] waran yang [illegible] sebarang tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PAKAR X-RAY DI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERUBATAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PAKAR X-RAY di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod : 062 06 — 123).

Tanggagaji : M. 18 B$6,800 sebulan (tetap) dan elaun 'M' B$1,250 sebulan.

Atau

M. 19 B$8,000 sebulan (tetap) dan elaun 'M' B$1,500 sebulan.

**Kelayakan :**

Ijazah Perubatan.
Fellowship of the Royal College of Radiologists atau kelayakan yang sebanding dengannya.

Pengalaman praktikal dalam bidang 'clinical ultrasound' adalah perlu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Membantu Pakar X-Ray Kanan dalam kerja-kerja memberi perkhidmatan 'Radiological' dan 'Radiodiognosis' di seluruh negara.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama dua tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : **10 Ogos, 1987.**

(E/755/75/2)

(Bilangan Pendaftaran : 64/1987).

## TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Julai, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

**TAWARAN BIL. 36/1987**
Shelltox Aerosol with Vapona 284 ML. — 70,000 Tins

**TAWARAN BIL. 37/1987**
Toilet Paper Roll, 2-Ply (100 grm Roll) — 60,000 Rolls

**TAWARAN BIL. 38/1987**
Antiseptic — Germicide "Dettol" No. 8 (250 ml) — 36,000 Btls.

**TAWARAN BIL. 39/1987**
'BEAVER' Model SDR 74, Backpack Type Grass Cutter, Driven by 31.7 cc Petrol Engine c/w Flexible and Adjustable Handle — 300 Nos.

**TAWARAN BIL. 40/1987**
(a) Battery, Exide, 6TXMZ — 15L, 12 Volts 15 Plates, 95 AH — 200 Nos.
(b) Battery 12 Volts, 13 Plates, 'N 70' — 250 „
(c) Battery 12 Volts, 21 Plates, 120 AH — N120 — 200 „
(d) Battery Exide, 12 Volts, 29 Plates, 200 AH, N200 PP — 120 „
(e) Battery 12 Volts, 11 Plates, 35 AH, NS40ZL — 200 „

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama Projek :
BILANGAN TAWARAN : JKP/08/1987
CADANGAN PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK DI KAWASAN LAMBAK KANAN.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 1 Julai hingga 21 Julai, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong : Kelas "AX" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan)

5.0 Tarikh tutup : Hari Rabu 22 Julai, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/35/1987
MEMBEKAL : SNAP-ON-TOOLS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/36/1987
MEMBEKAL : BENCH GS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/37/1987
MEMBEKAL : DC POWER SOURCE VRM 5080 & JIG TEST TJ5

BIL : MINDEF/DFP/MTB/38/1987
MEMBEKAL : LIFE JACKET

BIL : MINDEF/DFP/MTB/39/1987
MEMBEKAL : ARDROX

BIL : MINDEF/DFP/MTB/40/1987
MEMBEKAL : MATT DUNLOP SINGLE 6′ 3″ X 3′ X 6″

BIL : MINDEF/DFP/MTB/41/1987
MEMBEKAL : DISINFECTANT JEYPINE 5LTR CAN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/42/1987
MEMBEKAL : REGIMENTAL BUTTON

BIL : MINDEF/DFP/MTB/43/1987
MEMBEKAL : TEST CHAMBER PORTABLE

BIL : MINDEF/DFP/MTB/44/1987
MEMBEKAL : PURITABS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/45/1987
MEMBEKAL : OUTDOOR FURNITURE

BIL : MINDEF/DFP/MTB/46/1987
MEMBEKAL : SUPER BISCON A/CORROSIVE BROWN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/47/1987
MEMBEKAL : FORMING FOAM (AFFF) 6%

BIL : MINDEF/DFP/MTB/48/1987
MEMBEKAL : GROOVED FLOOR MATTING 1M. X 50M.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/49/1987
MEMBEKAL : CAR UTILITY ASTRA 1300s

BIL : MINDEF/DFP/MTB/50/1987
MEMBEKAL : COMPORATION

BIL : MINDEF/DFP/MTB/51/1987
MEMBEKAL : ENERGY REGULATOR

BIL : MINDEF/DFP/MTB/52/1987
MEMBEKAL : CALIBRATION EQUIPMENT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/53/1987
MEMBEKAL : ELECTRONIC TEST EQUIPMENT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/54/1987
MEMBEKAL : 2.5MM. UTP 65 WELDING ELECTRODES

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14 Julai, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutharga Jabatan Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin — Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatan Arah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak $100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| UBD/E8/14/87 | Membekal dan Memasang i) Microcomputer, Peripherals and software ii) Microcomputer, Laser printer and software for desktop publishing system. | $300.00 |

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 1 Julai, 1987.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran,
   Tingkat Satu,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

   Isnin–Khamis 8.30 pagi – 11.00 pagi
   2.00 petang – 3.00 petang
   Sabtu 8.30 pagi – 10.00 pagi
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN LAUT

1. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/13/1987
   Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebolehan bagi CONVERSION OF PANCAR FROM INBOARD TO OUTBOARD ENGINE, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
   Cagaran tawaran : $100.00.
2. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/14/1987
   Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal bagi THE SUPPLY AND INSTALL ONE OUTBOARD ENGINE OF UP TO 150HP AND STEERING GEAR, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan syarat am kontrak boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran seperti yang dinyatakan.
4. Tarikh tutup : 1 Julai 1987 jam 3.00 petang.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

TAWARAN adalah dipelawa daripada yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor pendaftaran Siri KD9701 hingga KD9999.

Tawaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei, Jalan Gadong/Kuala Belait dengan menyatakan butir-butir berikut :—

i) Nombor pendaftaran yang dipohonkan.
ii) Harga Tawaran
iii) Nama Penuh dan Alamat
iv) Nombor Kad Pengenalan dengan menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak $25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4″ × 9″ dan catatan perkataan "TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut.

Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah tidak kurang dari $100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) bagi tiap-tiap tawaran.

Borang Tawaran dan butir-butir mengenai perkara ini boleh didapati daripada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei Jalan Gadong/Kuala Belait.

| KD | KD |
|---|---|
| 9701 | 9922 |
| 9779 | 9933 |
| 9797 | 9944 |
| 9800 | 9955 |
| 9888 | 9966 |
| 9889 | 9977 |
| 9898 | 9988 |
| 9900 | 9999 |
| 9911 | |

Peringatan: Tawaran diterima mulai 10 Jun 1987 dan akan ditutup pada 25 Jun, 1987 jam 12.00 tengah hari.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN JUALAN LELONG

Dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang-barang yang disebutkan di bawah ini akan diadakan di kawasan K... Bandar Seri Begawan pada hari Selasa 30 Jun, 1987 jam 9.00 pagi.

Penangkap-penangkap lelong yang berjaya adalah dikehendaki membayar dengan wang tunai dan seterusnya memindahkan barang-barang tersebut ... mungkin.

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 4 Case Paper Cake | Zainal Abidin Puteh |
| 1 C S Auti Parts | Ron's Health Care |
| 1 C/S Health Exercise Equip | Sin Tak Fatt, Seria |
| 1 Case Glass Mirror | Yong Zoon San, Seria |
| 1 Unit Elec. Air Compressor | Sing Tak Fatt, Kuala Belait |
| 5 Kpg Steal Cabinet Equip | Chung Syn Kheng |
| 1 C/S Paper Level | Tow Lam Chong, Seria |
| 1 Case Oxykit Cutting Equip | Pan Meng Trading Co., Seria |
| 1 Case Adhesive | Brunei International Airport |
| 1 Case Degreaser | Marleye Company |
| 1 Case Educational Books | Pan Asean Books Store, Seria |
| 1 Case Auto Parts | Yong Joon San, Seria |
| 1 Case Air Condition Parts | Q Carrier Sdn Bhd., P. O. Box 116, Seria |
| 1 Bag Paper & etc | Malai Mansor |
| Batteries and Tyres | Low Son Trading, P. O. Box 360, Miri |
| Tiles 5 C/S | Tidak diketahui |
| 113 pcs Round Tubes | General Trading |
| 1 Lot Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Pkg Spare Parts | Tidak diketahui |
| 17 Pairs Ladies Shoes | Lee Hwa Enterprise |
| Printer Ribbon | Lee Hwa Enterprise |
| 2 C/S File & Paper | Mr. Yew B. Mascrib |
| 1 Ct Computer Parts | Tidak diketahui |
| Electric Parts | Tidak diketahui |
| Electric Parts | Tidak diketahui |
| Garment | Tidak diketahui |
| 3 unit Generators | B.C.B. |
| 4 Drum Paint | Tidak diketahui |
| Back Parts | Tidak diketahui |
| 9 Tin Finger Print Powder | Tidak diketahui |
| 2 unit weighing scale | Tidak diketahui |
| 5 dozen T/shirts | Boustead Marketing |
| 2 ctn Garacent and slippers | Silitlis Overseas |
| fluid film | Commissioner of Police |
| Electric Cash Register | Tan Kee Hei |
| 1 pce Measuring Tape | Tidak diketahui |
| Battery Charges | Aberden Sealffording |
| Metal Nose | Tidak diketahui |
| 1 C/S Spare Parts | Tidak diketahui |
| Plug Dutlet | Borneo Aircond |
| Cataling/Sak | Tidak d'ketahui |
| 1 C/S Lamps | Tidak diketahui |
| 8 Pkg Filing System | Tidak diketahui |
| 4 Unit Hanging Lamp Shade | Tidak diketahui |
| Electric Parts | Tidak diketahui |
| Electric Parts | Tidak diketahui |
| Immitation Jewelleries | Tidak diketahui |
| 1 C/S Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Unit | Tidak diketahui |
| 4 Pcs Car Engines Fan | Solar Aircond |
| 4 Bottles Liquor | Tidak diketahui |
| 2 Ctn Clothing | Tidak diketahui |
| 1 Box Table Top Plywood | Pg Haji Matahir bin Pg Baha |
| 1 pce Aircond Part | Chop Kian Lee |
| 1 Unit Flourescent Tubes | Tidak diketahui |
| 17 Rolls Cloth | Tidak diketahui |
| 1 C/S Electrical | Tidak diketahui |
| 1 pce Rolex Watch | Tidak diketahui |
| 1 Case Showcase Kitchen | The Brunei Press |
| 1 C/S Iron Cloth Hangers, Bag etc | Sh Dk Fatimah Brunei |
| 1 C/S Air condition Cabinets | Jetsin Ltd., Brunei |
| 10 C/S Note Books | Tidak diketahui |
| 1 C/S Air Condition Filters | Tidak diketahui |
| 7 C/S Drill Bits | Yon Hon Kun |
| 10 pcs Motorcycle Tyres | Tidak diketahui |
| 1 Lot Chairs Parts | Tidak diketahui |
| 2 Boxes Plastic Containers | Tidak diketahui |
| 1 Case Wires | Tidak diketahui |
| 2 cases Furnitures | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Paper | Pujaan Alam (Pg Hjh Searah) |
| 1 Case Nails | Kun San Brunei |
| 1 Case Nails | Tidak diketahui |
| Cabinet | Tidak diketahui |
| 6 Ctn Platic Containers | Tidak diketahui |
| 1 Lot Tractors Spare Parts | Tidak diketahui |
| 130 Pasu Telur Mesin | Tidak diketahui |
| 1 Sack Candle Wase | Tidak diketahui |
| 1 C/S Electric Switches | CACE Brunei |
| 13 Ctn Telex Machines Papers | Tidak diketahui |
| 1 C/S | H. T. Brunei. |
| Nut | Kim Hoe Brunei |
| 3 C/S Furnitures | CPC Brunei |
| 2 C/S Medicines | K.E. Brunei |
| 1 C/S Celling Fans | Everlee Brunei |
| 2 D/S Printing Matters | American International AS |
| 1 C/S Pipe | SSEC Brunei |
| 1 C/S Besi | YYS |
| 1 C/S Kepala Naga | KHC Brunei |
| 1 C/S Machines | Tidak diketahui |
| 4 Pallets Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 6 Cases Window Frames | BCC Brunei |
| 2 Ctns Window Frames | CKS Brunei |
| 1 C/S Pipe | ASH Brunei |
| 2 pcs Tyres For Trucks | Tidak diketahui |
| 1 Lot Batteries | Tidak diketahui |
| 1 C/S Window Frames | BBHS Brunei |
| 1 C/S Paints | Unicrop Brunei |
| 2 Cases Berinish | BGHC Brunei |
| 1 C/S Air Valves | Hiap Guan |
| 1 C/S Roll Papers | BDNP Brunei |
| 1 Case Electrical Fitting | Tidak d'ketahui |
| 1 C/S Nail | Tidak diketahui |
| 1 Set Welding Set | Home Care Ltd |
| 1 Set Aluminium Poles | ARYDUTA Brunei |

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 1 C/S Pipe | PWC Brunei |
| 1 C/S Door Rubber Stopper | ALC Brunei |
| 3 Cases Iron Ass | Webster 7 Longman |
| 5 Cases Spare Parts | Brumilor Brunei |
| 1 C/S Lighting Chokes | Tidak diketahui |
| 2 C/S Polishes (Wax) | Tidak diketahui |
| Branch Cutter | Tidak diketahui |
| 3 Bags Carpets | Tidak diketahui |
| 1 C/S Roofing | Tidak diketahui |
| 1 C/S Kichap Ikan | NW-YC Muara |
| 1 C/S Spare Parts | Suzuki Motors |
| 1 Roll Fibreglass | Tidak diketahui |
| 8 Ctn Files | Raydex Kuala Belait |
| 42 Ctns Plastic Containers | Tidak diketahui |
| 8 Ctns Plastic Bags | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Portable Mixture | Tidak diketahui |
| 1 Case Water Outlet Steel | W.F. Brunei |
| 1 Case Door Lockset | Master On Board Smith |
| 1 Case Liquid | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Rag Besi | Tidak diketahui |
| 1 Case Cooking Stoves | 05W76097 Brunei |
| 1 Case Sign Board | LCE Muara |
| 1 Case Toy Plastic Balls | Tidak diketahui |
| 5½ Tons Papan | Chua Chia Hsiang |
| 4 Boxes (24 Cases) Powder Eye Lids | Tiang Ti Hwa |
| 12 Cases Powder Eye Lids | Liou Tin Yang |
| 4 Bottles Johnnie Walker | Ibrahim bin Galis |
| 1 pce Rolex Watch | Hsu Chin Tsai |
| 1 pce Gordini Watch | |
| 2 pcs Omega Watch | |
| 6 pcs Sport Wears | Prasit Sonong Bua |
| 10 pcs Sports Wears | Vitoon Gunphen |
| 12 pcs Sport Shoes | Horsono |
| 49 pcs Cosmetics | Annuar Kipli |
| 1 pce Video Computer System | Hasli bin Jamhari |
| 1 pce Cassette | |
| 5 pcs Bags | Jose Enalpe |
| 2 pcs Cincin Emas Permata | Lim Teck Yong |
| 10 pcs FX 180 Hand Cassio Calculator | |
| 36 pcs FX 82 A Hand Cassio Calculator | |
| 30 pcs MGP 10 Sanyo Cassette Player | |
| 15 pcs Toy Games Cartridge Space Vision | |
| 10 pcs Quartz AM/FM Clock Radio | |
| 4 pcs Mini Calculator J.C. 11 | |
| 24 pcs Osawa Super Slim AM/FM | |
| 7 Radio Cassette Player FX 18 | |
| 3 Btls Martell Medaillon VSOP Cognac sebtl | New China Restaurant Muara, |
| 7 Botol Gordons Blue Martell Cognac | Lot No. 557 Poh Hock Lai Flat |
| 1 Btl 27 | Pekan Muara |
| 1 Btl Cinzane | |
| 1 Btl Campari | |
| 6 Btls Pierre Smirnoff Vodka | |
| 3 Btls Baccardi | |
| 2 Btls Black & White sebtl | |
| 1 Btl Cinzano Extra Dry | |
| 1 Btl Black Label Captain Morgan | |
| 1 Btl Gold Label Captain Morgan | |
| 1 Btl Jim Beam Kenturky | |
| 1 Btl Pimms No. 1 | |
| 1 Btl Cointreau | |
| 1 Btl Imported Canadian Club Whisky | |
| 1 Btl Cusenier Apricot Brandy | |
| 1 Btl Pepe Lopez Tejule | |
| 1 Btl Black & White | |
| 1 Btl D.O.M. Benedictine | |
| 1 Btl Gordons Dry Gin | |
| 1 Btl Tia Maria Liquerer | |
| 1 Btl Captain Morgan Rum Gold | |
| 1 Btl Herveys Bristol Cream | |
| 1 Btl Haraschine Bols | |
| 10 pcs Hand Bag | Liou Jin Yong |
| 2 pcs Jackets | |
| 2 pcs Jam Rolex | |
| 2 pcs Wardrobe | Tsu Chin Zon |
| 4 pcs Jackets | |
| 4 pcs Raincoats | |
| 3 pcs Track Suit | |
| 5 pcs Bags | |
| 1 pce Travelling Bag | |
| 24 pcs Bags | Liou Jin Yong |
| 15 pairs Shoes | |
| 3 pcs Wardrobe | |
| 3 pcs Jackets | |
| 2 pcs Raincoats | |
| 2 pcs Track Shirts | |
| 1 unit Bicycle | |
| 2 Btls Martell sebtl | Mat Jaman bin Ibrahim |
| 12 Btls Martell sebtl | Michael Bina |
| 1 pce National Stereo Radio RX FM 30 F | Shiu Weng Chin |
| 2 dozens Powder Eye Lid | Matdawi Supayah |
| 3 pairs Shoes | |
| 1 unit Flower Lamp | |
| 4 pairs Shoes | Lee Jin Wen |
| 53 pcs Kain Polyster | Simon Keak Lai Heng |
| 45 pcs Kain Polyster | Guan Bot Ting |
| 49 Btls Kecil Tsingtao Beer | Ang Chin Choon |
| 24 Tins Heineken Beer | |
| 4 Tins Guiness Stout | |
| 32 Btls Kecil Tsingtao Beer | Thian Ted Min |
| 10 Tins Guiness Stout | |
| 14 Tins Heineken Beer | |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN JUALAN LELONG

Dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang-barang yang disebutkan di bawah ini akan diadakan di kawasan Kastam, Bandar Seri Begawan pada hari Selasa 30 Jun, 1987 jam 9.00 pagi.

Penangkap-penangkap lelong yang berjaya adalah dikehendaki membayar dengan wang tunai dan seterusnya memindahkan barang-barang tersebut secepat mungkin.

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 15 pcs Compressor | Solar Air-Conditioning |
| 25 pcs Drier Receiver | |
| 42 pcs Pulley | |
| 15 pcs Condenser | |
| 181 pcs Hose | |
| 30 pcs Fitting | |
| 10 pcs Blower | |
| 10 pcs Switch Control 7E | |
| 3 pcs Coil 307Z | |
| 39 pcs Union | |
| 5 pcs Valve | |
| 24 botol Tsingtao | Wong Sing Hoon |
| 12 btls kecil Guiness Stout | Bekenu Sebuti, Miri. |
| 3 btls Johnnie Walker Red Label | |
| 1 btl Martell VSOP | |
| 2 btls Martell VSOP | Yong Khing Sieng |
| | Sg Rongan, Sibu, Sarawak. |
| 12 btls Cognac Hennessy X.O. | Yong Tze Fatt |
| | Kg Perpindahan, Seria |
| 1 btl Martell VSOP | Ting Kui Luo |
| 1 btl Martell VSOP | Leong Chieng, I/C No. 761992 |
| 1 btl X.O. Chabot | Ling Ling Hing |
| | Lorong 6, Kg Pujut, Miri. |
| 1 btl Martell VSOP | Sung King Ung |
| | 17-D Tiong Hua Road, Sibu, Sarawak. |
| 1 btl Martell VSOP | Ngu Liong Ping |
| | Batu 12, Jalan Oya, Sibu |
| 1 btl Hesnessy VSOP | Sim Ching Huat |
| 1 btl Special Quality Ling Zhi Wine | No. 5, Jalan Ocean Quarry, |
| | Batu 5½, Jalan Tutong. |
| 3 btls Martell VSOP | Yee Chuy Fun, I/C No. 190939 (Hijau) |
| 1 btl X.O. Chabot | |
| 1 btl Martell Gordon Blue | |
| 1 btl Wincarnis Tonic Wine | |
| 1 btl Hennessy VSOP | Wee Teck Hua |
| 1 btl Hennessy X.O. | No. 5, Ocean Quarry Qrts., |
| | Batu 5½, Jalan Tutong. |
| 1 btl Martell VSOP | Lim Sai Hock, |
| 2 btls Martell Gordon Bleu | Flat No. 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB. |
| 1 btl Martell VSOP | Kho Khing Tian, |
| | No. 21, King Hong, Limbang. |
| 4 ctns Foster Lager Beer | Wong Ah Ho, |
| 29 btls Martell VSOP | Hing Nam Foong, |
| 6 btls Castellion Cognac VSOP | No. 54, Jalan Pretty, Kuala Belait |
| 1 btl Camus X.O. Cognac | |
| 1 btl Vat 69 Scotch Whisky | |
| 1 btl Johnnie Walker Black Label | |
| 2 btls Teacher's Scotch Whisky | |
| 1 btl Dom Benedictine Liquor | |
| 1 btl Drabuie | |
| 1 btl Wincarnis | |
| 1 btl Vodka | |
| 2 btls Gordon's Dry Gin | Chieng Tew Tuang, |
| | No. 18, Kg Kienggeh, BSB. |
| 31 btls Dewar's Scotch Whisky | Ram Ehani, |
| 2 btls Johnnie Walker | Canteen 2nd Gurkha Riffles, Seria. |
| 2 btls Martell VSOP | |
| 2 btls Martell VSOP | Wong Kai Yeung |
| 1 btl Hennessy X.O. | Jalan Lemang, Sibu, Sarawak. |
| 1 btl Vodka | Johnny Keih Dullah |
| 1 btl Black & White Whisky | No. 99/81, Kg Usaha Jaya, Sibu, |
| 1 btl Johnnie Walker | Sarawak. |
| 1 btl Black Power | |
| 1 Remy Martin | Sabang ak. Lambong, |
| | Rumah Manja, Sg Naman, Sibu. |
| 3 btls Angas Brut Champagne | Ramlie Sabin, |
| | Bario Baram, Sarawak. |
| 1 btl Vat 69 | Buda ak Gaieng, |
| | Rumah Saban, Sg Saman, Sibu. |
| 1 btl Johnnie Walker Red Label | Ujok ak Undu, |
| | Rumah Sintan, Sg Naman, Sibu. |
| 3 ctns Heineken Beer botol besar | Yu Kwong Ming, |
| 1 btl Old Bushmills-Irish Whisky | Goh Juin Khing, |
| 1 btl Old Bushmills-Irish | Kg Krokop, Lorong 9, Miri. |
| 1 btl Captain Morgan Rum | |
| 1 btl Johnnie Walker Red Label | Wong Siong Ping, |
| 1 btl Serravalls Tonic Cinshona Wine | No. 2, Lorong Lai Chee, Sibu, Sarawak. |
| 2 btls Johnnie Walker Red Label | Jee Ah Huat, |
| | No. 5, Jalan Lee Teck, Miri. |
| 2 btl Martell VSOP | Wong Mann Siong, |
| | No. 3542, Kg Perpindahan, Seria. |
| 2 btls Camus X.O. | Jee Loi Khian, |
| | Riam Road No. 35, Miri. |
| 1 btl Vodka Smirnoff | Titus Chuo Mui Ing, |
| 1 btl Captain Morgan Rum | No. 27 Tabuan Jaya, Kuching. |
| 1 ctn Tsingtao Beer | Chong Boon Ngee, |
| | No. 6D, Jalan Hockien, Miri. |
| 2 btls Johnnie Walker Red Label | Karam Singh, |
| | No. 28, Jalan Geilcie |
| | Brighton, Miri, Sarawak. |
| 2 btls Canadian Whisky | Jacob Ding Nyi |
| 2 btls Dry Gin | |
| 2 btls Hennessy VSOP | |
| 1 btl Baccardi | |
| 1 btl X.O. Chabot | |
| 1 btl Remy Martin | |
| 4 btls Johnnie Walker | Andrew Ngang Ngau |
| 4 btls Gordons Dry Gin | |
| 2 btls Black & White | |
| 1 btl Canadian Whisky | |
| 4 btls Johnnie Walker Red Label | Jo Anyi, |
| 1 btl Baccardi Rum | Uma Bawang, Baram, Sarawak. |
| 1 btl Black & White Whisky | |

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 1 btl Canadian Club Whisky | |
| 1 btl Dry Gin | |
| 2 btls Black & White Whisky | Paul Kalong |
| 3 btls Johnnie Walker | |
| 3 btls Dry Gin | |
| 2 btls Canadian Club Whisky | |
| 2 btls Baccardi | Kwok Kwai Hao |
| 2 btls Hennessy XO | Loh Kung Ho |
| 2 btls Lansom Brut | Tidak diketahui |
| Suzuki DT40 HP. S/No. 4001-423115 | (Tg Selirong) |
| ERP : 28. | |
| Yamaha 40 HP Endero S/No. 6F6 | Juali bin Jaafar |
| S-005731 ERP : 29. | |
| Suzuki 55 HP S/No. 05502-501102 | Sakai Agong |
| ERP : 30. | |
| Suzuki DT 40 HP S/No. 321674 | Kilu Peru |
| ERP : 31. | |
| Suzuki 40 HP S/No. 212483 | Kilu Peru |
| ERP : 32 | |
| Johnson 55 HP Workman S/No. 0181199 | Sulaiman bin Ibrahim |
| ERP : 33. | |
| Suzuki DT. 40 HP S/No. 4001-525082 | Michael Bina |
| ERP : 34. | |
| Suzuki DT 40 HP S/No.4001-525289 | Michael Bina |
| ERP : 35. | |
| Yamaha 40 HP S/No. 318223 | Tidak diketahui |
| ERP : 36 | Station Minyak Haji Nawi |
| | Pulau Chermin. |
| Long Boat PRP : No. 16 19'x5' 4½' | Kilu Peru |
| Long Boat PRP : No. 17 19'4x5' 1" | Tidak diketahui |
| | (Tg Selirong) |
| Long Boat PRP : No. 18 22'4"x5½' | Julai bin Jaafar |
| Long Boat PRP : No. 20 19'x5½'. | Law Hiaw Hing |
| Speed Boat Plywood PRP : No. 15. | Tidak diketahui |
| 4 Units Hanging Lamp Shades | Tidak diketahui |
| 1 Unit Flourescent Tubes | Tidak diketahui |
| 113 Pcs Round Tubes | General Trading |
| 4 pcs Computer Parts | Tidak diketahui |
| 1 Box Pullies etc | Tidak diketahui |
| 1 Roll Metal Hose | Tidak diketahui |
| 1 Box Printer Ribbon | Tidak diketahui |
| 2 Units Weighing Scale | Tidak diketahui |
| 3 units Generators | B.C.B. |
| 1 pce Rack Part | Tidak diketahui |
| 17 Pairs Ladies Shoes | Lee Hwa Enterprise |
| 5 dozen T-Shirts | Boustead Marketing |
| 1 Bale Cloth | Tidak diketahui |
| 17 Rolls Cloth | Tidak diketahui |
| 1 Box Measureing Tapes | Tidak diketahui |
| 1 Box Table top plywood with frames | Chop Kian Lee |
| 1 Box Immitation Jewelleries | Tidak diketahui |
| 1 Box Plug Outlet | Borneo Aircond |
| 1 Unit Battery Charger | Aberdeen Scalfording |
| 1 Unit Elect. Cash Register | Tan Kee Hui |
| 9 Tins Finger Print Powder | Tidak diketahui |
| 1 Unit Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 2 Ctns Files and Papers | Mr. Yew B. Masarib Strwa |
| 1 Ctn Computer Parts | Tidak diketahui |
| 1 Pkg Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Case Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Case Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Case Lamps | Tidak diketahui |
| 1 Case Electrical Parts | Tidak diketahui |
| 48 pcs Garments | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Trophies | Buni Culture Supply |
| 1 Lot Spare Parts | Tidak diketahui |
| 8 Pkgs Filing System | Tidak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 4 Drums Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 1 pce Aircon Part | Tidak diketahui |
| 5 Ctns Medicines | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Electrical Parts | Tidak diketahui |
| 4 Btls Liquours | Tidak diketahui |
| 1 Case Electrical Parts | Tidak diketahui |
| 1 Lot Books Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Stationaries | Circle & Square |
| 1 Ctn Records | Tidak diketahui |
| 2 Ctns 217 pcs Video Tapes | Mahajaya |
| 4 pcs Car Engine Fans | Solar Aircond |
| 2 Ctn 94 pcs Garments and | Sintinittis Overseas |
| 22 Pairs Slippers | |
| 2 Ctns 168 pcs Cloth | Pg Haji Matahir bin Pg Baha |
| 1 pce Rolex Watch | The Brunei Press |
| 2 Pkgs Steel Cabinet Equipment etc | ex M.V. Sari Pujut V. 5A |
| | Chung Syn Kheng. |
| 4 Cases Paper Cake Boxes | ex M.V. Sri Pujut V.20/85 |
| | Zainal Abidin Puteh Bakery |
| 1 Case Iron Shackle etc | Soon Khiong Gen. Trading Co Sdn Bhd |
| | 78 Jansen Road, Miri, Sarawak. |
| 1 Case Tidak diketahui | HLCC Brunei |
| 7 Ctns Drill bits | Tidak diketahui |
| 10 pcs Motorcycle tyres | Tidak diketahui |
| 13 Ctns Telex machines papers | Tidak diketahui |
| 2 boxes Plastic Containers | Tidak diketahui |
| 1 guni Sack Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 5 Rolls Telephone Wires | Tidak diketahui |
| 2 Cases Plastic Toys | Joy Brunei |
| 1 Case Plant Fruit Cutters | Tidak diketahui |
| 1 Case Spare Parts | Tidak diketahui |
| 1 Case Wires | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Lighting Fitting Floc. light | Tidak diketahui |
| 1 Case Celling Fans | Everlee Brunei |
| 1 Case Auto Glass | Crown Motors Brunei |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN JUALAN LELONG

Dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang-barang yang disebutkan di bawah ini akan diadakan di kawasan K... Bandar Seri Begawan pada hari Selasa 30 Jun, 1987 jam 9.00 pagi.

Penangkap-penangkap lelong yang berjaya adalah dikehendaki membayar dengan wang tunai dan seterusnya memindahkan barang-barang tersebut ... mungkin.

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 1 Case Plastic transparent bags | MIKO Food Co Brunei |
| 1 Case Sign Board | LCE Muara |
| 1 Case Door rubber stopper | HLC Brunei |
| 1 Case Pipes | ASH Brunei |
| 1 lot Chairs Parts | Tidak diketahui |
| 2 pcs Tyres for trucks | Tidak diketahui |
| 1 Case Roofing | Tidak diketahui |
| 1 Case Toilet Water Flush | Tidak diketahui |
| 2 Cases Tiles | LBTC Brunei |
| 1 Pallet Papers | Tidak diketahui |
| 1 Case Toy Plastic balls | Tidak diketahui |
| 1 Case Paints | UNICROP Brunei |
| 1 Case Roll Papers | BDNP Brunei |
| 1 Case Electric Switches | Tidak diketahui |
| 1 case Kitchen in bottles | Mr Vabahana Salairinder Brunei |
| 3 bags Carpets | Tidak diketahui |
| 1 Roll Fibreglass | Tidak diketahui |
| 1 Ctn Pipes | Kim San Brunei |
| 1 Case Tidak diketahui | Kim Hoe Brunei |
| 1 Case Enamelled C.U. Wires | Tidak diketahui |
| 1 Case Lighting Chokes | Tidak diketahui |
| 5 Cases Spare Parts | Brumilor Brunei |
| 1 lot Batteries | Tidak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | UNICROP Brunei |
| 3 Cases Floating balls | HCLC Brunei |
| 1 Case Toilet Water Stoppers | HKPC Brunei |
| 1 lot Tractors Spare Parts | Tidak diketahui |
| 3 Cases Furnitures | SPC Brunei |
| 2 Cases Furnitures | Pujaan Alam (Pg Hjh Saerah) |
| 2 Cases Printing Matters | American International As |
| 1 Case Tidak diketahui | BSM Brunei |
| 3 Cases Iron Ass | Webster T. Longman |
| 1 Case Tidak diketahui | Thomas Makajil |
| 1 Case Pipes | SSEC Brunei |
| 1 Case Tidak diketahui | H. T. Brunei |
| 1 Case Besi | YYS Brunei |
| 1 Case Window Frames | BBHC Brunei ... |
| 1 Case Cooking Stoves | 05W76097 Brunei |
| 1 Case Kepala Naga (Tarian) Naga | KHC Brunei |
| 1 Case Soft t les | Tidak diketahui |
| 2 Cases Polishes (Wax) | Tidak diketahui |
| 1 Case Tiles | UNICORP Brunei |
| 1 Case Machines | Tidak diketahui |
| 1 Pallet Pegs, bulbs, candles | Tidak diketahui |
| 1 Case Auto Parts | Sin Tak Fatt Seria |
| 1 Case Building Materials | Wong Ah Kau Contractor Lot 2714 P. O. Box 146, Jalan Nakhoda Manis, Seria |
| 1 Case R. A. Lister Parts | ex M. V. Temburong Harrison & Crosfield Miri |
| 1 Case Adhesive | Brunei International Airport |
| 1 Case Oxykit Cutting Equipment | Pang Men Trading Co., Seria |
| 1 Case Degreaser & etc | Eastmant Sh'pstock Inc c/o Morley & Co., Kuala Belait |
| 4 pcs Coupling (1 Ctn) | Tidak diketahui |
| 1 Case Glass Mirror | Yong Joon San Seria |
| 4 Ctns Shower | Tidak diketahui |
| 1 Case Spoonge | Ban Jui Guan, Kuala Belait |
| 1 Case Auto Parts | Yong Joon San Seria |
| 2 Pallets Food Stuffs | M.V. Seria Voy 1/86 |
| Expired—(Unfit for human consumption) | Expired 3.1.1986 |
| | Tan Boon Heng & Sons, Kuala Belait |
| 1 Case Health Exercise Equipment | P.O. Box 1630, Bandar Seri Begawan |
| Ron's Health Care | M.V. Sri Liku Voy 9/86 |
| 1 Case Air-Condition Parts | Q Carrier Sdn Bhd P.O. Box 116, Seria |
| 1 Case Paper Label | Tow Lam Chong, Seria |
| 1 Clothing Hair Shampoo | Tidak diketahui |
| 1 Unit Electrical Air Compressor | Sin Tak Fatt, Kuala Belait |
| 1 Case 3D Gift Centre (Rack) | Tidak diketahui |
| 1 Unit Toyota Pick Truck MD: 420 | Ting Seh Hing, Miri |
| 1 Unit Toyota L/Cruiser KA.2953 | Chua Vui Siang I/C No. 100987 (Red) BSB Court Case No. 1845/85 |
| 2nd Hand Bedford Truck | Ex M.V. Sri Pujut Voy 21/82 M/S Rina Brossis, Kuala Belait |
| 1 Case Eelectrical Cable | M.V. Temburong/Temburong |
| 6 Cases Tyres & Battery | M.V. Seria Voy 7/86 Tomson Trading, P. O. Box 360, Miri. |
| 1 buah Kereta BMW | Syarikat Ki'ang Papan Mile 2 Temburong |
| 1 buah Kereta BMW warna putih | Syarikat Papan Mile 2 Temburong |
| 1 buah Kereta Opel Rekod | My Bhll Enterprise Sdn Bhd No. 43 Bangunan Haji Othman Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam |
| 1 Case Showcase Kitchen | Sh Dk Fatimah Brunei |
| 1 Case Tiles | Tidak diketahui |
| 1 Case Tiles | Tidak diketahui |
| 1 Case PWC Brunei | Tidak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | Master on Board Smith Lioyd 7 |
| 1 Case Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | Tidak diketahui |
| 1 Case Iron C'oth Hingers, bag etc | Jets'n Ltd Brunei |
| 1 Case Tidak diketahui | T'dak diketahui |
| 1 Case A'r Condition Cabinets | T'dak diketahui |
| 1 Ctn T'dak diketahui | T'dak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | T'dak diketahui |
| 1 Case T'dak diketahui | NW-YC Muara |
| 10 Cases Note Books | T'dak diketahui |
| 1 Case A'r Condition Filters | Yong Hon Kun |
| 1 Case Air Valves | H'ap Guan |
| 6 Cratons Plastic Containers | T'dak diketahui |
| 6 Pallets Papers | T'dak diketahui |
| 1 Case Tidak diketahui | W. F. Brunei |

| Banyak dan Jenis Barang | Nama Pengimport/Tanda |
|---|---|
| 2 Cases Bernish | HGHC Brunei |
| 4 Pallets Hardware ie Pipes | Tidak diketahui |
| 6 Cases Window Frames | BCC Brunei |
| 1 Pallet Iron Plates | Tidak diketahui |
| 1 Case Nails | Tidak diketahui |
| 1 lot Books | Tidak diketahui |
| 1 Case Wire Nail | WGWAS Brunei |
| 7 Cartons Growstix | RBPC Brunei |
| 2 Cartons Detergent | Tidak diketahui |
| 1 lot Kiwi, Oven Cleaners | Chop Yick Fatt Seria |
| 1 Case Sport Lights | Tidak diketahui |
| 1 Carton Books | Tidak diketahui |
| 6 Cartons Exercise Books | Tidak diketahui |
| 6 Pkgs Nails, irons | Tidak diketahui |
| 1 Case Spare Parts | Suzuki Motors |
| 1 Carton Portable Mixture | Tidak diketahui |
| 8 Ctns Files | Raydex Kuala Belait |
| 22 Ctns Plastic Containers | Tidak diketahui |
| 8 Ctns Plastic bags | Tidak diketahui |
| 20 Ctns Plastic Flowers Cans | CHC Brunei |
| 12 Pcs Plywood | Tidak diketahui |
| 2 Ctns Window Frames | CKS Brunei |
| 1 Case Electrical Fitting | Tidak diketahui |
| 1 Case Nail | Tidak diketahui |
| 1 Set Welding Set | Homecare Ltd |
| 1 Set Aluminium Poles | Aryruta Brunei |
| 130 pasu Telur masin yang buruk | Tidak diketahui |
| 130 pasu di dalam pasu | Tidak diketahui |

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 26/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di perbuat oleh Awang Haji Abdul Hamid bin P. J. D. Haji Yussof kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pehin Jawatan Dalam Haji Yusof bin Pehin Khatib Haji Mohd. Daud yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1987, jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 4 Jun, 1987.

No. 83/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Pg. Haji Mohd. Alimin bin Pg. Setia Jaya Pg. Hj. Abd. Momin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Mas Urai binti Mohammed yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah Anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1987, jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan ... belum tarikh yang ... di atas.

Bertarikh 26 Mei, 198...

No. 79/1987

BAHAWA permohonan ... pada Mahkamah ini ... perbuat oleh Haji ... Tinggal bin Tamat ... minta Surat Kuasa ... harta pesaka yang ... oleh Latip bin Tamat ... telah meninggal dunia ... lam Negara Brunei Da... salam dengan sebab ... pemohon ialah Adik-... kepada si mati.

Oleh itu kenyataan ... bahawa permohonan ... didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan ... 30 Jun, 1987, jam ...

Orang-orang yang ... di dalam harta pesaka ... ti itu dikehendaki hadir ... menyaksikan perbicaraan ... pada waktu dan tempat ... tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat ... dak membantah permohonan ... itu bolehlah menghantar ... rat bantahan kepada Mah... mah Pegawai Penguasa Wa... ris Bandar Seri Begawan ... belum tarikh yang ... di atas.

Bertarikh 26 Mei, 198...

No. 104/1987

BAHAWA permohonan ... pada Mahkamah ini ... perbuat oleh Abas ... bin Haji Bahar kerana ... Surat Kuasa kepada harta pe... saka yang dipunyai ... Bahar bin Metasan yang ... lah meninggal dunia ... lam Negara Brunei Da... salam de gan sebab ... pemohon ialah Anak ... kepada si mati.

Oleh itu kenyataan ... bahawa permohonan ... didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan ... 30 Jun, 1987, jam ...

Orang-orang yang ... di dalam harta pesaka ... ti itu dikehendaki hadir ... menyaksikan perbicaraan ... pada waktu dan tempat ... tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat ... dak membantah permohonan ... itu bolehlah menghantar ... rat bantahan kepada Mah... mah Pegawai Penguasa Wa... ris Bandar Seri Begawan ... belum tarikh yang ... di atas.

Bertarikh 26 Mei, 198...

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-Pemborong Kelas 'B' sahaja untuk:

a) PROJEK No: DDWS/GRU/87/01 IMPROVEMENT OF SPORTS, RECREATIONAL & ATTENDANT STRUCTURES & FACILITIES

Cagaran Tawaran: $100.00 + $100.00 (Lukisan)

b) PROJEK No: DDWS/GRU/87/02 SERUSOP CAMP SECURITY FENCE AND GATE

Cagaran Tawaran: $100.00 + $100.00 (Lukisan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a) Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 7 Julai 1987.

b) Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutharga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d) Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SHELL BRUNEI

## NOTIS TENDER B.S.P. BIL. SSU 6/87

| Bil. Benda | Jumlah | Huraian |
|---|---|---|
| 01 | 1 buah | 470 Racing Dinghy, lengkap untuk pelayaran. Buatan Parker-U.K. Serial No. 21750. Tarikh Pembinaan 1979. |
| 02 | 1 buah | 470 Racing Dinghy, lengkap untuk pelayaran. Buatan Parker-U.K. Serial No. 23115. Tarikh Pembinaan 1980. |
| 03 | 1 buah | 470 Racing Dinghy, tidak lengkap. Buatan Parker-U.K. |
| 04 | 2 buah | Perahu Layar Keluarga tidak lengkap. Jenis Mirror. |

Perhatian

1. Benda-benda di atas boleh dilihat di bangunan KBRC Club House, Kuala Belait.
2. Urusan untuk melihat benda-benda ini atau untuk mendapat maklumat lanjut, sila hubungi R. Visser, Telefon 03-72572 (Pejabat).
3. Benda-benda akan dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya, di mana ianya".
4. Tarikh tutup menerima tender ialah pukul 0900 pada 6 Julai, 1987 di Peti Tender Ibu Pejabat. Tender hendaklah dialamatkan di dalam sampul surat yang tertutup kepada :

   Pengerusi,
   Lembaga Tender,
   Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad,
   Seria,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tercatat : "Notis Tender B.S.P. Bil. SSU 6/87".
5. Semua tender hendaklah disertakan dengan deposit 10% dari jumlah yang di tender dalam bentuk cek yang dibayar kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd., Seria yang boleh dibayar balik jika tidak berjaya. Bagaimanapun, deposit akan hilang jika penender yang berjaya berhasrat untuk menarik balik tendernya, dan tender yang tidak disertakan dengan deposit 10% tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan tender akan dikira sebagai penerimaan penender akan syarat-syarat biasa menender yang dikenakan oleh syarikat yang mana butir-butirnya boleh didapati apabila dikehendaki dari Pejabat SSU/15, NIA, Seria, Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/TB/23/1987**

Tajuk kerja : MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMELIHARA SATU SET WATER COOLED PACKAGED RECIPROCATING CHILLER UNIT DI RBA 747 HANGAR, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 13 Julai, 1987 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B", Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL. : PPL/MTB/187/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Penanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 24 Jun, 1987 bagi kerja-kerja berikut : —

ELECTRICITY SUPPLY TO TELISAI LAND FOR LANDLESS SCHEME PART 2 — INSTALLATION OF HV/LV FEEDER CABLES, 28' TUBULAR STEEL POLES AND CONSTRUCTION OF 11 KV OUTDOOR SUB-STATION.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/186/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar dari JKR Kelas 'AX' dan 'A' dan Pemborong-pemborong Penanam Kabel Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 24 Jun, 1987 bagi kerja-kerja berikut : —

ELECTRICITY SUPPLY TO TELISAI LAND FOR LANDLESS SCHEME PART 1 — INSTALLATION OF CABLE DUCT BANKS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 194 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No. : AD505/0801
PUSAT KOMERSIAL DAN PERDAGANGAN DI JALAN CATOR, (SUPER-STRUCTURE PACKAGE TENDER) — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 22 Jun, 1987.
Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 195 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari mana-mana pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/PTN027
PEMBINAAN SEBUAH TEMPAT PENARUHAN KENDERAAN DI STESEN PERTANIAN RIMBA, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 24 Jun, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 196 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : 87AB/PEL041
PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH RENDAH KUPANG, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 24 Jun, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 197 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk :

PROJEK No. : AR507/1301
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK CADANGAN JALAN PENGHUBUNG KIARONG (PERINGKAT I), BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 29 Jun, 1987.
Cagaran tawaran : $1,000.00.

### BIL: JKR 198 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/GUR004
PEMBINAAN 2 TINGKAT PEJABAT DAN BLOK STOR BAGI PASUKAN ASKAR-ASKAR ANJING DI PERKHEMAHAN GURKHA SUNGAI AKAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 199 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : 87AB/PTN002
PEMBINAAN 3 UNIT BARIK DI KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 200 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN002
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN UNTUK PUSAT PERTANIAN DI RAMBAI, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 201 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No. : 87AB/PEL029
PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 202 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK No. : 87AB/JPD001
PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS DAN GARAGE DI IBU PEJABAT JABATAN KENDERAAN DARAT, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 203 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/KBS011
KERJA-KERJA PELINDUNGAN TAMBAHAN BAGI PINTU PAGAR BESI KEMBAR DAN SEBAGAINYA DI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: JKR 204 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/PTN012
MEMASANG PAGAR BERDURI DI STESEN PERTANIAN, SEMABAT, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: JKR 205 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/22407
PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH RENDAH, BOKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 Jun, 1987.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

# SUKAN ORANG-ORANG CACAT PERINGKAT KEBANGSAAN



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar ketika menerima baris jalan lalu daripada kanak-kanak cacat yang menyertai sukan orang-orang cacat kali pertama yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

## BELIA & SUKAN



MENTERI Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji [illegible] paikan hadiah-hadiah kepada kanak-kanak cacat yang [illegible] sukan pada hari itu.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Daud, Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan ketika menyampaikan hadiah-hadiah yang berupa bungkusan kepada peserta-peserta yang memenangi sukan tersebut.

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

SUKAN orang-orang cacat peringkat kebangsaan kali pertama anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan Kerjasama Jabatan Penyiaran dan Penerangan, menarik minat orang ramai menyaksikannya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, Ahad lepas.

Pelbagai telatah dapat disaksikan dalam temasya itu, ianya telah menghibur para penonton dengan aksi-aksi yang sungguh melucukan. Penyertaan mereka yang jarang-jarang kita saksikan dalam mana-mana kejohanan sukan di negara ini, sekurang-kurangnya menampakkan minat serta bakat mereka dalam lapangan sukan.

Acara lumba lari kura-kura 30 meter bagi kanak-kanak dan acara lari terus 50 meter bagi mereka yang cacat penglihatan merupakan acara yang paling melucukan. Kedua-dua acara itu memperlihatkan bagaimana gelagat mereka berlari bagi mengatasi lawan mereka.

Seorang demi seorang dari mereka berlari tidak tentu arah, kerana mereka hanya berpandukan kepada pendengaran bunyi yang dipukul di depan garisan penamat.

Sementara itu acara lumba lari kura-kura 30 meter bagi kanak-kanak pula memperlihatkan keazaman kanak-kanak bergerak mengikut cara kura-kura berjalan.

Lain-lain acara termasuklah acara-acara sukan biasa seperti melontar lembing, lontar piring, buang peluru, lompat jauh dan acara-acara larian.

Terdahulu dari itu, sukan orang-orang cacat itu bermula dengan upacara berbaris lalu oleh para peserta dan kemudiannya pembacaan ikrar sukan oleh Mat Jair Haji Jaafar dan seterusnya pembukaan rasmi oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar dan diikuti dengan melepaskan sejumlah 3,000 biji belon ke udara.



KELIHATAN dua orang kanak-kanak cacat menyertai salah [illegible] yang dipertandingkan (atas).

KELIHATAN empat orang kanak-kanak cacat ketika menyertai [illegible] bawa bola di atas riket tennis(bawah).



SALAH seorang peserta ketika sedang melempar lembing



## Belia dan beliawanis dipelawa menyertai rancangan kapal belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia-belia dan beliawanis adalah dipelawa untuk memohon bagi menyertai rancangan kapal belia 87 dengan memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah: —

Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap.

Berumur antara 18 tahun — 30 tahun

Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

Menjadi ahli dan aktif dalam persatuan/pertubuhan belia yang berdaftar.

Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya lulus Sijil Am Pelajaran (Peringkat Biasa) 'O' Level.

Mempunyai pengetahuan tentang hal-ehwal Negara Brunei Darussalam seperti kebudayaan dan adat resam Melayu, Ekonomi, Pelajaran dan lain-lain.

Pemohon yang telah pernah menyertai program ini tidak dibenarkan memohon.

Borang permohonan dan keterangan lanjut boleh diperolehi daripada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam atau Cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN

## SERI DENGAN TRENGGANU 1-1

# Kita kutip satu mata



SEBAHAGIAN daripada kira-kira 5,000 orang penonton yang merasa hampa di atas kekalahan pasukan negara 3-0 oleh Pahang. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

HARAPAN untuk memenangi perlawanan di tempat sendiri terus-menerus menemui jalan buntu apabila skuad negara hanya mampu seri 1-1 dengan Trengganu dalam perlawanan kedua siri Piala Malaysia di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Isnin lepas.

Meskipun mendahului Trengganu 1-0 separuh masa pertama, pada keseluruhannya kesebelasan utama negara gagal mempamerkan permainan yang cemerlang. Sepakan-sepakan dan hantaran yang dilakukan sering tidak tepat, manakala serangan pula mudah dipatahkan oleh lawan akibat tidak sefahaman.

Separuh masa pertama Trengganu banyak melancarkan serangan-serangan ke kubu Brunei melalui Nasir Jalil, Zulkifli Hamzah, Ahmad Paijan dan Azlan Johar. Di awal permainan hingga ke minit 35, Trengganu mempunyai sekurang-kurangnya lapan peluang baik untuk menjaringkan gol terutama sekali Zulkifli Hamzah, di mana beliau sering membolosi pertahanan-pertahanan Brunei dengan gerakan-gerakan yang mengelirukan.

Kemudian dalam minit ke-15, 18 dan 27, Nasir Jalil gagal mempergunakan peluang terbaik baginya untuk menjaringkan gol apabila percubaannya itu dapat diselamatkan oleh penjaga gol Yunos Yusof.

Kemasukan Majidi Ghani di minit ke-36 menggantikan Yaakub Bakar, mengurangkan sedikit tekanan yang dihadapi dan sebaliknya barisan penyerang menampakkan sedikit demi sedikit peningkatan di mana mereka berjaya mendahului Trengganu 1-0 di minit ke-39.

Gol tersebut berpunca daripada tendangan balas yang dilakukan oleh Faisal Eusof di luar kawasan penalti, apabila penyerang Brunei Salim Haji Osman dijatuhkan oleh Zakaria Musa dan pengadil tidak teragak-agak memberikan tendangan bebas. Faisal Eusof mengambil sepakan bebas itu dengan membuat sepakan lop tinggi di depan pintu gol Trengganu dan Aliuddin Gillen yang bersedia di situ terus menanduk untuk menewaskan penjaga gol Trengganu, Raimi Jamil.

Setelah ketinggalan 1-0, Trengganu terus mencuba untuk menyamakan kedudukan dengan melancarkan serangan-serangan pantas melalui pemain mid-field Ahmad Paijan dan Badrol Hisham. Begitupun, Brunei sekali-sekala berjaya melancarkan serangan kilat hasil gerakan Faisal Eusof yang sering mengumpan kepada Ali Rashid, Aliuddin Gillen dan Jamhari Lani.

Dalam separuh masa kedua Trengganu memulakan sepak mula dengan permainan yang cepat dan akhirnya mereka berjaya menyamakan kedudukan 1-1 melalui Azlan Johar yang secara berseorangan menanduk bola tinggi hantaran Zakaria Abdullah di minit ke-6.

Corak perminan terus berat sebelah, di mana Trengganu banyak mempunyai peluang baik untuk mencetak gol terutama di minit ke-11 dan 24 apabila pemain-pemain pertahanan Brunei sering kurang sefahaman dan kesempatan itu gagal dipergunakan dengan baik oleh penyerang Trengganu.

Kemudian di minit ke-31, Trengganu nyaris-nyaris memperolehi gol kemenangan mereka apabila Azlan Johar yang tidak dikawal melarikan bola secara solo ke sebelah kiri dekat pintu gol Brunei. Bagaimanapun dengan kecemerlangan penjaga gol Brunei, Yunos Yusof, percubaan itu dapat di patahkan.




## Penonton hampa dengan corak permainan

# Pasukan kita tertewas di tangan Pahang

PAHANG Darulmakmur memulakan pertarungan dalam Piala Malaysia dengan mencapai kemenangan mudah setelah menundukkan Brunei Darussalam tiga gol tanpa balas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas Jumaat lepas.

Pahang yang juga merupakan salah sebuah pasukan pilihan untuk memenangi Piala Malaysia, menguasai keseluruhan permainan dengan melancarkan serangan-serangan bahaya ke kubu Brunei. Sebaliknya, pasukan tuan rumah gagal mempamerkan permainan yang kemas dan teratur. Setiap hantaran yang dilakukan oleh pemain-pemain tidak menepati dengan baik. Manakala serangan-serangan pula tidak menentu arahnya dan sering terkandas serta mudah dipatahkan oleh barisan pertahanan Pahang yang dikemudikan oleh T. Pathmanathan, pemain import dari Singapura.

Bagaimanapun, kecemerlangan ketua pasukan Yunos Yusof yang bertindak selaku penjaga gol sepatutnya diberikan pujian kerana beliau banyak menyelamatkan percubaan-percubaan gol daripada penyerang-penyerang Pahang.

Pasukan Pahang, yang dibintangi oleh tiga pemain import, iaitu T. Pathmanathan dan R. Suriamurthi dari Singapura, dan Ronnachai Sayomchai dari Thailand, memperolehi gol pertama di minit ke-36 separuh masa pertama melalui ketua pasukannya Yunus Alif yang menerima hantaran dari R. Suriamurthi, dan terus menanduk perlahan ke sebelah kiri pintu gol Brunei.

Sebelum itu di awal-awal permainan Brunei hampir mendahului Pahang apabila serangan gol yang dilakukan oleh Faisal Eusof di minit pertama dan keenam tersasar ke tepi.

Kemudian dalam separuh masa kedua, pemain-pemain Pahang terus beraksi dengan cemerlang dan memperolehi jaringan kedua oleh pemain yang dibeli dari Thailand, Ronnachai Sayomchai yang tidak dikawal setelah menerima umpanan tinggi dan terus menanduk kencang untuk menjaringkan gol kedua.

Seterusnya Pahang terus mengukuhkan kedudukan apabila mereka menjaringkan gol ketiga melalui pemain yang dibeli dari Singapura R. Suriamurthi yang hanya berseorangan membawa bola ke kawasan bahaya dan merembatkan masuk ke gawang Brunei.



SELAMAT! ..... penyerang lincah Pahang Yunos Alif jersi 9 membuat percubaan bahaya di depan pintu gol Brunei. Bagaimanapun Yunos Yusof dapat menepis bola itu keluar. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## Peraduan silat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Peraduan Silat dan Kuntau bagi Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan peraduan tersebut bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun.

Peraduan ini dijangka akan diadakan pada awal bulan Julai ini nanti, dan dibukakan kepada mereka yang berminat di Daerah Brunei dan Muara.

Borang-borang dan keterangan yang lebih lanjut bolehlah didapati daripada Haji Mohd. Yusof bin Haji Mastan di Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Berakas atau Haji Zapor bin Haji Shamsuddin di Pusat Dakwah Islamiah, Pulaie.

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dihantar tidak lewat dari 25 Jun 1987 jam 4.00 petang.

## Lumba Perahu dan Motor Sangkut Kebangsaan

JABATAN Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan mengadakan lumba perahu dan motor sangkut kebangsaan pada 26 Julai depan bertempat di Sungai Brunei berhadapan dengan Dermaga Kastam Diraja Brunei.

Menurut jurucakap jabatan tersebut, perlumbaan itu diadakan adalah sebagai menambah acara-acara Perlumbaan Perahu Piala Pengiran Digadong (jemputan antarabangsa).

Borang dan keterangan lanjut boleh diperolehi daripada setiausaha perlumbaan, di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Tarikh menghantar borang ialah pada 20 Jun, 1987.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalaman dengan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Edward Lee sejurus sebelum berangkat ke republik tersebut. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

# PENGANGGURAN BELIA JADI ISU UTAMA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekerjaan-pekerjaan Untuk Belia — Jalan Masa Depan Yang Baik merupakan isu utama yang dibincangkan di Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan Komanwel yang dilangsungkan di Geneva, Switzerland baru-baru ini.**

Isu tersebut adalah tajuk laporan yang dibuat oleh kumpulan pakar bagi menyahut [illegible] Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang bersidang di Nassau, Bahamas pada bulan Oktober [illegible] bagi meneliti dan membuat laporan mengenai pengangguran belia.

Butir-butir ini diumumkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Seruddin ketika ditemuramah oleh pihak PELITA BRUNEI baru-baru ini.

Di mesyuarat tersebut, perwakilan negara kita diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Laporan kumpulan pakar yang dibincangkan itu juga akan dihadapkan kepada Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) [illegible] akan bersidang di Vancouver, Kanada bulan Oktober depan.

Setiausaha Tetap kementerian itu [illegible] memberitahu, [illegible] tersebut juga [illegible] bahawa hampir [illegible] negara-negara yang [illegible] sedang membangun [illegible] punyai kadar pengangguran belia, bertambah [illegible] ganda dari orang-orang dewasa, yang mana [illegible] sedemikian [illegible] bebanan sosial dan [illegible] yang besar kepada [illegible] negara berkenaan.

Selain itu, laporan [illegible] memberikan sokongan [illegible] bersesuaian bagi [illegible] bangan yang lebih [illegible] di dalam forum-forum Komanwel yang lain.

Salah satu sokongan [illegible] ialah mengenai [illegible] perusahaan yang [illegible] menyediakan pekerjaan [illegible] 'informal sector' di [illegible] belia-belia boleh [illegible] dapatkan pekerjaan. [illegible] informal itu ialah [illegible] tamu, berjaja dan [illegible] yang mana juga [illegible] dapat di negara-negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam.

Sokongan yang [illegible] pernah disebut [illegible] Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN ke-6 yang [illegible] sidang tahun lalu di Negara Brunei Darussalam.

Di samping [illegible] mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa juga telah mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN, yang bertujuan bagi menetapkan [illegible] dirian negara-negara ASEAN bagi Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan juga membuat [illegible] mengenai dengan Mesyuarat [illegible] Mesyuarat Buruh ASEAN akan datang.

Sebelum kedua-dua Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh Komanwel dan ASEAN berlangsung [illegible] didahului dengan mesyuarat Pegawai-pegawai kanan [illegible] mana rombongan negara [illegible] diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Seruddin.

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan Komanwel diadakan [illegible] tahun sekali, di mana negara kita menyertainya buat kali ketiga.

## HADIRI MESYUARAT MENTERI LUAR ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri kini berada di Republik Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20.

Turut berangkat dalam rombongan Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Juga menyertai rombongan tersebut termasuklah beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

## Penyertaan kini dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan perarakan bercucul kereta berhias, tanglung berjalan kaki dan pakaian kebudayaan anekaragam sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan tersebut dijangka akan diadakan pada 18 Julai, 1987.

Borang-borang dan syarat penyertaan mengenai ketiga-tiga peraduan itu boleh diperolehi sekarang daripada setiausaha peraduan di alamat Jabatan Pencen Pencen Negara, Lapangan Terbang Lama Berakas. Tarikh akhir menghantar borang ialah 30 Jun, 1987.

# SARANAN WUJUDKAN "HARI BELIA KEBANGSAAN"

PEKAN TUTONG. — Naib Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Daerah Tutong, Awang Haji Junaidi OKSN Hj. Md. Safar menyarankan agar diwujudkan 'Hari Belia Kebangsaan' sebagai tanda pengiktirafan bahawa perkhidmatan belia dalam pembangunan bangsa dan negara mendapat tempat dalam pembangunan masyarakat.

Menurut beliau ianya selaras dengan perubahan masa dan era kemerdekaan di samping boleh dijadikan sebagai unsur pendorong kepada belia untuk menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada bangsa dan negara.

"Sekaligus adalah sesuai pula setelah mencapai usia 30 tahun Majlis Belia Negara ditubuhkan dapat memikirkan dengan serius 'Anugerah Kepimpinan Belia', atau 'Kurnia Belia Jaya' atau 'Anugerah Tokoh Belia' sebagai satu cara memberikan motivasi, merangsang semangat belia-belia supaya akan lebih cenderung berkhidmat dengan pergerakan belia.

Naib Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Daerah Tutong itu melahirkan saranan-saranan berkenaan dalam ucapannya di Majlis Muzakarah Perwakilan Majlis Belia-Belia Daerah Tutong kali ke-4 di Dewan Kemasyarakatan di sini pada petang Ahad, 14 Jun lepas.

Inisiatif sedemikian juga menurut Awang Haji Juanidi, akan menarik minat ramai belia menyertai pergerakan berpersatuan.

"Kelembaban yang berlaku selama ini kerana kurangnya penerangan, galakan, dorongan pengiktirafan mengenai pertubuhan sukarela yang mereka sertai. Belia juga kurang berminat kerana mereka tidak nampak akan faedah yang mereka perolehi dari menyertai pertubuhan sedemikian. Inilah di antara faktor yang menyebabkan belia berasa 'tawar hati' untuk membabitkan diri dalam pertubuhan belia," tegas beliau.

Menyentuh mengenai muzakarah pada hari itu, para perwakilan tertinggi Majlis Belia-Belia Daerah Tutong antara lain akan membincangkan satu kertas kerja ekonomi secara terperinci usaha untuk menubuhkan 'SAHAM EKONOMI BELIA' yang dirasakan perlu diusahakan oleh pergerakan berkenaan agar ianya dapat terus bertahan dan dinikmati oleh semua ahli.

## Susun kegiatan belia

Dari muka 1

merasmikan Muzakarah Agung ke-4 Perwakilan Majlis Belia Daerah Tutong di Dewan Kemasyarakatan di sini pada petang 14 Jun lepas.

Menurut Yang Dipertua MBB itu, dalam tempoh 25 tahun penubuhannya, MBB hanya dapat menggerakkan jentera pentadbiran secara terhad dengan kegiatan-kegiatan yang terbatas yang belum dapat mencapai sasaran dan memenuhi hasrat sebahagian besar para belia dalam sebuah negara yang sedang membangun.

"Keterbatasan bidang lingkup aktiviti, projek dan kegiatan kerja Majlis Belia Brunei ini pada hemat saya adalah berpunca dari ketiadaan suatu Dasar Belia Negara yang boleh dijadikan garis panduan bagi setiap persatuan belia dan kebajikan di negara ini," katanya.

Beliau menyarankan, Undang-Undang Dasar MBB yang digubal 25 tahun dulu itu perlu segera dipinda dan diubahsuai agar lebih mantap dan meyakinkan.

"Kalau kita hanya bersandarkan semata-mata kepada Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei pada ketika ini, saya yakin kita tidak akan sampai ke mana-mana kerana Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei yang telah digubal 25 tahun yang lalu itu tidak lagi dapat memenuhi keperluan kita sebagai golongan belia yang membentuk sebahagian besar dari jumlah penduduk yang aktif di negara ini lebih-lebih lagi Undang-Undang Dasar Majlis Belia Brunei itu tidak memberi peruntukan-peruntukan tertentu yang melibatkan pergerakan belia dalam sebuah negara yang berada dalam era kemerdekaan dan kedaulatan penuhnya," tegasnya.

Kepada para belia di daerah ini, beliau berharap mereka akan terus menyusun pelbagai strategi bagi menjayakan kegiatan dan projek belia.

"Adalah mustahak bagi saudara-saudara semua untuk terus menyokong kuat pucuk pimpinan saudara-saudara yang ada sekarang supaya Majlis Belia Daerah Tutong dapat berfungsi dengan sempurna," tambah beliau.

## Perhubungan mesra sedia terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sir Geoffrey Howe, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel sempena hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II dan kepada Tuan Yang Terutama Salvador H. Laurel, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Filipina sempena Hari Kemerdekaan Republik Filipina yang masing-masing jatuh pada 12 Jun, 1987.

Dalam perutusan kepada Sir Geoffrey Howe, Duli Yang Teramat Mulia penuh percaya bahawa perhubungan yang lama sedia terjalin di antara Brunei Darussalam dan United Kingdom akan berterusan dan berkekalan.

Sementara dalam perutusan kepada Tuan Salvador Laurel, Duli Yang Teramat Mulia berharap agar Brunei Darussalam dan Republik Filipina akan sentiasa bekerjasama lebih-lebih lagi dalam konteks ASEAN dan sebagai jiran tetangga.

## RAMALAN CUACA ←– minggu ini –→

PADA awal minggu ini, keadaan cuaca sebahagiannya redup di samping hujan atau ribut petir pada petang dan malam. Manakala hujung minggu dijangka kering.

Ramalan cuaca ini bermula dari 17 hingga 23 Jun, 1987.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.